ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 45 | RABU 6 NOVEMBER, 1985. | رابو 22 صفر 1406 | PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bercemarduli ke Nassau, Bahamas bagi menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) kali ke-25. Sidang CHOGM itu diadakan selama satu minggu bermula dari 16 — 22 Oktober dan disertai oleh sejumlah 47 buah negara Pertubuhan Komanwel.

Gambar atas memperlihatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel yang diadakan di Pusat Konvensyen, Cable Beach Hotel, Nassau, Bahamas.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke sana diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Brunei Darussalam adalah merupakan ahli ke-49 Pertubuhan Komanwel setelah diterima menjadi ahli sebaik-baik sahaja mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984. Antara isu utama yang dibincangkan di sidang CHOGM itu ialah mengenai Afrika Selatan, masalah Apartheid, ekonomi serta lain-lain masalah yang dihadapi oleh negara-negara Pertubuhan Komanwel. Lain-lain gambar sekitar Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) itu disiarkan di muka 12 dan 13.

# KEBAWAH DYMM MENERIMA MENGADAP TYT DR. HEINZ

**Oleh Ahat Ismail**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Dr. Heinz Eyrich, Menteri Bagi Hal-Ehwal Persekutuan dan Undang-Undang Tanah, Republik Persekutuan Jerman, di Baden Wuerttemberg, di Istana Nurul Iman pada Khamis lepas.

Di istiadat itu, Tuan Yang Terutama Dr. Heinz Eyrich diiringi oleh Duta Besar Republik Persekutuan Jerman ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Eckart Cuntz.

Terdahulu sebelum itu, ketibaan Tuan Yang Terutama Dr. Heinz Eyrich telah dialu-alukan di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan. Setiausaha Tetap Kementerian Undang-Undang, Awang Haji Abas bin Haji Serudin dan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Ahmad bin Dato Matnoor. Rombongan pelawat dari Republik Persekutuan Jerman itu tiba pada 31, Oktober lepas dan adalah dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke negara ini.

Sejurus selepas Istiadat Mengadap, para pelawat itu telah mengadakan lawatan ke Mahkamah Tinggi dengan dialu-alukan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Undang-Undang, Awang Haji Abas bin Haji Serudin serta Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi, Dato Ali bin Mohd. Salleh.

Di hari kedua lawatan Tuan Yang Terutama Dr. Heinz Eyrich serta lima orang ahli rombongannya telah melawat Muzium di Kota Batu. Semasa di sini mereka berkesempatan menyaksikan Dewan Kaji Bangsa, bilik-bilik rumah puak-puak asli Brunei serta juga bilik Kebudayaan Kaji Bangsa dan Alam Semula Jadi.

Selain mengadap ke hadapan Majlis kebawah Duli Yang Maha Mulia di Istana Nurul Iman, Tuan Yang Terutama Dr. Heinz Eyrich juga telah mengadap ke hadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, di Jalan Subok.

Di samping itu Tuan Yang Terutama Dr. Heinz Eyrich juga telah membuat perjumpaan/kunjungan muhibah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan, di Kementerian Undang-Undang dan Perhubungan, serta Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan, di kementerian tersebut.

Lihat muka 24

## MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA Allah hanya mengharamkan atasmu (memakan) bangkai, darah, daging babi dan apa yang disembelih dengan menyebut nama selain Allah; tetapi barangsiapa yang terpaksa memakannya dengan tidak menganiaya dan tidak pula melampaui batas, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang." — Makna ayat 115 Surah An-Nahl.

# LAKSANA TANGGUNGJAWAB MENURUT KEMAMPUAN

**Oleh Abd. Karim HAB**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pg. Haji Abas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan menyeru semua jabatan di bawah Kementerian Perhubungan mencapai taraf kemajuan dan perkembangan yang sejajar antara satu dengan lain dalam peranannya menyediakan dan memberikan infrastruktur yang mustahak untuk perkembangan ekonomi negara.

Menurut Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, faktor itu akan dapat mempastikan tiap-tiap jabatan berkenaan dapat melaksanakan tanggungjawab menurut bidang dan kemampuannya yang maksima.

"Saya sukacita mengambil kesempatan yang berharga ini untuk menyeru kepada ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Perhubungan khasnya supaya dapat dan sentiasa memikirkan cara-cara yang baik dan berperancangan bagi mencapai tujuan ini termasuklah bagi meningkatkan lagi usaha kerjasama antara jabatan-jabatan, meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran masing-masing di samping sentiasa mengeratkan tali silaturahim antara jabatan-jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang terlibat," sabda Yang Amat Mulia lagi ketika merasmikan Musabaqah Tilawatil Quran Antara Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Perhubungan malam Jumaat lepas di Dewan Raya RTB.

Yang Amat Mulia mengingatkan bahawa perundingan di antara sebuah jabatan dengan sebuah jabatan yang lain dalam perkara-perkara yang berkaitan bagi meneliti sesuatu masalah atau lain-lain perkara yang berkenaan bagi maksud mencari huraian atau memperkemas tindakan selanjutnya adalah patut

Lihat muka 24



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ketika menerima mengadap Tuan Yang Terutama Dr. Heinz Eyrich, Menteri Bagi Hal-Ehwal Persekutuan dan Undang-Undang Tanah, di Baden Wuerttemberg, Republik Persekutuan German. — Gambar oleh Ak. Abu Bakar, PHO.

Pelita Brunei

6 NOVEMBER 1985

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM : PENGHAYATAN PENDIDIKAN BERNEGARA BERMULA

Syukur Alhamdulillah, Universiti Brunei Darussalam telah pun sempurna memulakan kursus dan orientasi sulungnya pada hari Isnin, 28 Oktober yang lalu dalam mana sejumlah 200 orang mahasiswa dan mahasiswi pertama yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan mengikuti pelbagai kursus yang ditawarkan oleh universiti yang menjadi kemegahan kita semua. Impian kita untuk melihat wujudnya sebuah pengajian tinggi di negara yang tercinta ini telah pun menjadi kenyataan.

28 Oktober 1985 merupakan suatu detik sejarah yang akan menjadi ristaan oleh kita semua serta generasi yang akan datang. Saat ini yang bakal menentukan bentuk tenaga-tenaga yang berkualiti yang mempunyai pengetahuan yang tinggi di samping memiliki sifat-sifat kejujuran dan kesetiaan kepada negara menerusi pembelajaran yang diterima dari pusat pengajian tinggi kita.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah juga berkenan menjadi Chancellor Universiti Brunei Darussalam yang membawa petanda bahawa Baginda begitu memeduli setiap perkembangan pendidikan di negara ini.

Kepatuhan kita dalam melaksanakan tuntutan-tuntutan berugama, ketaatan kita kepada raja serta sikap kita yang menyanjung tinggi nilai-nilai di samping menyukai perkara-perkara kebajikan dan menghindarkan diri dari perkara-perkara yang mendatangkan keburukan, insya-Allah, akan memberikan kekuatan kepada kita semua untuk sama-sama berperanan dalam mengukuhkan keridibiliti universiti kita ini. Kerana kita maklum bahawa penubuhan universiti ini akan dipengaruhi serta mempengaruhi sistem pendidikan keseluruhannya.

Dengan yang demikian mudah-mudahan segala pihak akan dapat mengambil manfaat dari wujudnya universiti ini untuk mengukuhkan lagi pengajaran di peringkat menengah dan rendah, sekira-kira membolehkan kita melihat dengan jelas lain-lain jurusan seperti teknikal, vokasional, sains dan teknologi serta lain-lain kursus di peringkat yang lebih awal sebelum para penuntut melangkah ke peringkat pengajian tinggi.

Peranan setiap pengajian tinggi bukan setakat mendedahkan serta menghidangkan para mahasiswanya kepada ilmu pengetahuan yang dipelajari. Yang afdalnya bagi universiti kita ini hendaklah berfungsi dalam membentuk daya berfikir dan daya bertindak sumber tenaga manusia tempatan yang berbudi pekerti, beriman dan berkemahiran, sentiasa taat kepada Allah, taat kepada raja di samping dapat membentuk peribadi yang mampu menyelesaikan kerumitan bangsa serta masalah negara sesuai dengan kehendak persekitaran setempat.

Hubungan dengan dasar pendidikan kita cukup jelas. Kita bertujuan untuk melahirkan generasi yang berilmu serta beriman yang lengkap dengan sikap serta komitmennya kepada aspirasi nasional negara ini sifatnya sebagai negara Melayu Islam Beraja. Jadi pembelajaran yang diterima melalui pusat pengajian tinggi kita ini yang setentunya disesuaikan dengan keperluan-keperluan tempatan dalam acuan sosio-politik negara kita akan lebih meyakinkan untuk kita mencapai matlamatnya. Keyakinan ini kita asaskan kepada keterlibatan kita secara langsung dari awal hingga akhir, dalam erti kata dari mula direncanakan pada tahun 1976 hinggalah ke peringkat pelaksanaan dalam seterusnya.

Kemantapan kita dalam menghayati dan mempertahankan konsep Melayu Islam Beraja serta sentiasa mengamalkan adat resam dan ciri-ciri kehidupan yang murni serta tertib adalah merupakan benteng yang kuat bagi kita seterusnya mengekalkan perkembangan pusat pengajian tinggi kita dari terkeluar ke arah kebebasan pengajian yang tidak berketentuan. Kerananya, kebebasan sosio-akademik universiti kita antara lain ialah bermaksud untuk melahirkan para mahasiswa yang boleh dijadikan contoh teladan yang baik di bidang ilmu, berbudi pekerti dan cita-cita yang mulia untuk memikul tanggungjawab kehidupan bernegara dan bermasyarakat.

Kita berkeyakinan hal ini cukup disedari serta difahami secara teliti oleh para mahasiswa pertama yang terpilih mengikuti pelbagai kursus di Universiti Brunei Darussalam yang sudah pun dimulakan pada 28 Oktober 1985 yang baru lalu.



TUAN Yang Terutama, Dr. Heinz Eyrich mengadakan kunjungan muhibah kepada Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-Undang, merangkap Menteri Perhubungan, di Kemeterian Undang-Undang dan Perhubungan. — Gambar oleh Ak.Abu Bakar PHO.

# TYT DR. HEINZ LAWAT BRUNEI DARUSSALAM

Oleh Ahat Ismail

TUAN Yang Terutama Dr. Heinz Eyrich, Menteri bagi Hal Ehwal Persekutuan dan Undang-Undang Tanah, Republik Persekutuan Jerman telah mengadakan lawatan rasmi selama empat hari ke negara ini bermula dari 31 Oktober hingga 3 November yang lalu.

Ketibaan TYT Dr. Heinz di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas telah dialu-alukan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan; Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan dan Undang-Undang.

Semasa berada di negara ini TYT Dr. Heinz telah mengadap ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu TYT Dr. Heinz juga berkesempatan mengadakan tinjauan ke tapak kawasan cadangan Universiti Brunei Darussalam di Tungku, Gadong; Muzium, ke Mahkamah Tinggi, Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dan Unit Perancang Ekonomi.





SEPANJANG lawatan rasmi ke negara ini Tuan Yang Terutama Dr. Heinz Eyrich berserta rombongan juga berkesempatan melawat bilik perpustakaan dan lain-lain bahagian yang terdapat di bangunan Mahkamah Tinggi. — Gambar oleh Ak.Abu Bakar PHO.



TUAN Yang Terutama Dr. Heinz Eyrich, Menteri bagi Hal Ehwal Persekutuan dan Undang-Undang Tanah, Republik Persekutuan Jerman bersalaman dengan Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan sejurus sebelum berangkat meninggalkan negara ini bertempat di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas pada hari Ahad lepas. — Gambar oleh Ak.Abu Bakar PHO. (atas).

TUAN Yang Terutama Dr. Heinz Eyrich (menghadapi kamera) beserta rombongan mengadakan lawatan singkat ke kawasan tapak cadangan bagi Universiti Brunei Darussalam di Tungku, Gadong. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.





YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan menyampaikan cek bernilai US $100,000 kepada Tuan Rafeuddin Ahmad Pengerusi Lembaga UNIS.



YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan mendengarkan penerangan daripada pengetua sekolah tersebut.



YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, menandatangani buku pelawat.

# LAWATAN KE SEKOLAH ANTARABANGSA PBB

Laporan Jaafar Hj. Ibrahim
Gambar-gambar oleh : Ak Bahar PHO.

NEW YORK. — Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan telah menghadiri Perayaan Ulang Tahun ke-40 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu selaku perutusan khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Perayaan ulang tahun PBB itu berlangsung di ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di sini pada hari Jumaat 24 Oktober lepas.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin telah diiringi oleh Tuan Yang Terutama, Awang Haji Omar bin Haji Seruddin, Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Bangsa-Bangsa Bersatu, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Awang Haji Sulaiman, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam serta pegawai-pegawai dari Perwakilan Negara Brunei Darussalam ke Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sebelum menghadiri perayaan tersebut Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas telah melakukan lawatan ke Sekolah Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 23 Oktober.

Ketika berada di sini Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin telah menyampaikan cek bernilai US $100,000 kepada Tuan Rafeuddin Ahmad, Pengerusi Lembaga Sekolah Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Derma tersebut adalah kurnia sumbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Sekolah Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Yang Amat Mulia ketika menyerahkan cek tersebut bersabda bahawa sumbangan itu adalah sempena ulang tahun ke-40 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan serentak dengan ulang tahun pertama keanggotaan Negara Brunei Darussalam ke pertubuhan tersebut.

Sementara Tuan Rafeuddin dalam ucapan balas berkata bahawa sumbangan itu akan digunakan untuk menyiapkan taman permainan kanak-kanak di pekarangan sekolah tersebut.

Hadir sama di majlis penyerahan derma itu termasuklah Tuan Yang Terutama, Awang Haji Omar bin Haji Seruddin, Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Bangsa-Bangsa Bersatu, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Awang Haji Sulaiman, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam, Pengiran Sallehuddin, Setiausaha I, perwakilan Negara Brunei Darussalam ke PBB serta lain-lain pegawai-pegawai dari Perwakilan Brunei Darussalam yang beribu pejabat di New York.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin terdahulu sebelum itu telah dibawa melawat ke beberapa bahagian sekolah tersebut antaranya termasuklah melawat bilik khutubkhanah, bilik komputer, bilik pertukangan tangan serta taman permainan kanak-kanak di pekarangan sekolah tersebut.



YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, berbual mesra dengan penuntut-penuntut dari Brunei Darussalam yang menuntut di sekolah tersebut.



YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas dengan tekun mendengarkan satu cerita yang dibacakan oleh salah seorang murid sekolah berkenaan (atas). Sementara gambar bawah memperlihatkan TYT Awang Haji Omar bin Haji Seruddin, Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke PBB mendengarkan sesuatu penerangan yang disampaikan oleh salah seorang guru di UNIS (bawah).



GAMBAR atas memperlihatkan ketika Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin berada di bilik komputer.



YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS......Siri ke-301

# MENCUCI PAKAIAN DENGAN MESIN PENCUCI DAN BERUS JENIS BRISTLE (PURE BRISTLE):



**Hukum Membasuh Pakaian Yang Kena Najis Dengan Menggunakan Mesin Basuh**

BERKATA Al-Allamah Ibnu Qasim al-Ghazzi dalam Fathul-Qarib serta Hashiatul-Baijuri: Syarat membasuh benda yang kena najis itu, maka air itu datang ke atas benda yang kena najis itu jika air itu sedikit (kurang dari dua kolah), jika dibuat sebaliknya yakni ia celupkan atau taruhkan benda yang kena najis itu ke dalam air yang sedikit itu, maka tiadalah suci benda yang kena najis itu.

Adapun air yang banyak (dua kolah atau lebih beratnya kira-kira 317 kati atau dengan persegi isi kira-kira 22½ inci atau satu hasta suku dengan hasta orang yang sederhana panjang dan lebar dan dalam 22.5 × 22.5 × 22.5 inci) maka boleh benda yang kena najis itu datang ke dalam air itu atau air itu datang pada benda najis itu.

Ketahuilah air yang membasuh najis lepas ia bercerai dari tempat yang hendak dibasuh itu, maka air itu suci (air Musta'mal). Jika air itu bercerai dari tempat yang dibasuh itu padahal ia tiada berubah dan tiada bertambah timbangannya, setelah air itu bercerai dari tempat yang kena basuh itu, setelah ditolak dan dikira pada berat air yang dihisap oleh tempat yang kena basuh itu, ini pada air yang sedikit, (dan air yang sedikit ialah air yang kurang dari dua kolah).

Adapun air yang banyak (dua : kolah) disyaratkan air yang banyak itu satu syarat iaitu jangan berubah.

Membasuh najis yang ada Ain atau ada mata benda, hendaklah hilang mata benda itu dan berusaha pada menghilangkan sifat-sifat najis itu sama ada rasanya, atau warnanya atau baunya, jika kiranya ada tinggal rasa najis maka tiadalah dimaafkan, jika kiranya sudah berusaha tiada jua hilang, maka dimaafkan dan tempat itu suci, atau ada tinggal warna atau baunya yang susah hendak dihilangkan, maka tiadalah mengapa dan tiada wajib dihilangkan dan tempat itu suci.

Dan membasuh najis yang tiada nampak mata benda najis itu, maka memadalah dijiruskan air ke atasnya walaupun sekali jirus.

**Hukum membasuh najis dengan mesin basuh:**

Jika air yang sedikit lalu di atas pakaian najis itu dan najis ain pada pakaian itu hilang, maka pakaian itu suci dengan mengikut kaedah yang disebutkan Al-Allamah Ash-Sheikh Ibnu Qasim Al-Ghazzi dan Al-Allamah Al-Baijuri.

Jika air yang ada dalam mesin itu ada dua kolah dan pakaian yang kena najis itu dimasukkan ke dalam air itu dan air itu tiada berubah dengan ain najis itu maka pakaian itu suci setelah ain najis itu hilang dari pakaian itu.

**Berus jenis Bristle (Pure Bristle):**

Berkata Al-Allamah Ash-Shafiei Radhiallahu Anhu dalam kitabnya Al-Ummu: Boleh diambil air sembahyang dari air yang disimpan di dalam semua kulit bangkai binatang, apabila kulit-kulit itu telah disamak dan kulit-kulit binatang yang tiada halal dimakan dagingnya, dari binatang-binatang buas itu, dikiaskan dengan kulit-kulit bangkai binatang (mati tiada disembelih), apabila ia disamak, melainkan kulit anjing dan kulit babi, kerana kulit anjing dan kulit babi itu tiada boleh suci dengan disamak kerana najis yang ada pada kulit anjing dan kulit babi itu, ketika keduanya hidup tetap ada najis itu pada keduanya dan hanya kulit-kulit yang boleh suci dengan disamak itu manakala binatang itu tiada najis ketika hidupnya (anjing dan babi keduanya najis ketika hidup keduanya).

Samak kulit itu hasil dengan tiap-tiap benda yang orang Arab buat akan dia samak, seperti daun Qaradzun (daun salam) dan tawas dan lain-lain benda yang boleh dibuat seperti dibuat oleh tawas dan salam, yang boleh kulit itu tahan lama sehingga kering lendir-lendir dan lemak-lemak kulit itu dan kulit itu menjadi bagus dan samak itu menegah kulit itu dari rosak dan buruk, apabila kulit itu kena air dan tiadalah suci kulit bangkai itu dengan disamak melainkan dengan samak yang telah disebutkan itu, jika bulu kulit itu gugur, maka bulu itu adalah najis dan apabila disamak kulit itu dan dibiarkan bulunya tinggal di atas kulit itu dan air yang menyentuh bulu kulit itu maka air itu jadi najis dan jika air itu ada di dalam kulit itu dan bulu itu di luar kulit maka air itu tiada najis, apabila air itu tiada menyentuh bulu itu.

Adapun kulit tiap-tiap binatang yang disembelih dari binatang-binatang yang halal dimakan dagingnya, maka tiadalah mengapa diminum air daripadanya dan mengambil air sembahyang daripadanya, sekalipun tiada disamak, kerana sembelih itu telah menyucikan kulit itu, apabila kulit itu telah suci, maka boleh sembahyang di dalam kulit itu dan sembahyang di atas kulit itu.

Kulit-kulit binatang buas dan bukan binatang buas, dari binatang yang tiada halal dimakan dagingnya, sama ada disembelih atau mati tiada disembelih, kerana sembelih tiada menjadikan binatang buas dan seumpamanya itu akan halal, maka apabila disamak semua kulit-kulit itu, maka sucilah ia, kerana kulit-kulit itu sudah jadi semacam kulit-kulit bangkai, melainkan kulit anjing dan kulit babi maka tiadalah kulit keduanya itu sekali-kali suci.

Ini adalah nas perkataan Al-Imam Ash-Shafiei Radhiallahu Anhu dalam perkara kulit anjing dan kulit babi dan bulu anjing dan bulu babi, semuanya kulit dan bulu anjing dan babi itu sekali-kali tiadalah menjadi suci, sekalipun dengan disamak.

Maka segala macam berus yang dibuat dan diproses dari bulu babi itu, tiada boleh digunakan, kerana ia najis dan berlumur dengan najis dengan tiada ada apa-apa hajat, maka adalah ia haram dan berdosa bagaimana kata ulama Feqah.

Apabila basah bulu babi atau bulu babi yang kering kena pada pakaian yang basah atau rambut kepala basah atau sepatu basah, maka najislah pakaian dan kepala dan sepatu itu dan wajiblah disertu dan dibasuh dengan air yang suci tujuh kali dan sekali daripadanya dengan air yang dikeruhkan dengan dicampur tanah yang suci, kemudian dibasuh ratarata akan benda-benda yang kena najis bulu babi itu.

Begitulah hukum bendabenda yang kena najis dengan najis babi atau anjing atau bulu babi atau bulu anjing dibasuh tujuh kali dengan air dan satu kali daripadanya dengan air yang bercampur tanah suci seperti air parit yang keruh dengan tanah itu. Begitulah kata ulama Feqah.

Ugama Islam telah mewajibkan satu kumpulan atau sebahagian daripada umat Islam bangun membuat dan menjalankan perusahaan dan pertukangan dan perkilangan yang berhubung dengan hajat dan kesempurnaan hidup umat Islam di dalam satu tempat atau negeri itu, seperti sebahagian daripada umat Islam bertukang rumah, menanam makanan, menjalankan kereta-kereta sewa dan pengangkutan, menjual makanan dan minuman di kedai-kedai makan dan kedai kopi dan restoran, menjalankan perniagaan hotel, menjual barang makanan-makanan dan menjual pakaian dan sebagainya, maka ini semuanya dihajati dan dituntut oleh umat Islam, kerana tiada sempurna dan terlaksana hidup umat Islam dalam sesuatu tempat, mestilah dengan ada satu kumpulan umat Islam membuat dan menjalankan kerja-kerja seperti yang tersebut.

Perkara-perkara yang di atas ini wajib dibuat oleh sebahagian daripada umat Islam kalau tiada umat Islam membuat dan menjalankannya, maka semua dan seluruh umat Islam itu bertanggungjawab dan berdosa dan derhaka kepada Allah Taala.

Ini dinamakan dalam Islam wajib kifayah atau fardu kifayah dan dikatakan wajib itu di atas seluruh umat Islam dan apabila bangun sebahagian daripada umat Islam pada kerja yang dihajati oleh umat Islam maka lepaslah tanggungjawab dan dosa daripada sekalian umat Islam itu.

Maka berus suatu perkara yang dihajati dan digunakan oleh umat Islam kiranya tiada umat Islam di negara ini membuat berus gigi, berus kasut, berus pakaian dan berus rambut, maka wajib umat Islam berniagakan berus-berus itu dari jenis yang suci bukan najis dan dibeli dan ditempah dan dibawa masuk dalam negeri ini, kalau tidak semuanya umat Islam berdosa, kiaskan perkara berus ini akan perkara yang lain yang dihajati dan dimesti digunakan oleh umat Islam dalam negeri ini seperti menjual buku-buku, alat-alat tulis dan mengadakan rumah-rumah cetak surat-surat.

Islam tiada menyuruh orang bukan Islam mengadakan hajat bagi umat Islam tetapi Islam perintahkan umat Islam sendiri menjalankan perkara hajat yang mesti dan dikehendaki oleh umat Islam dan Islam menyuruh umat Islam berdiri di atas kaki sendiri merdeka pada segala perkara bukan merdeka pada negeri sahaja.

## Memeluk ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang wanita bangsa Filipina, Dayang Josiephine D. Decosto baru-baru ini telah memeluk ugama Islam di rumah Pg. Ibrahim bin Pg. Ahmad, Kampung Bakut Berumput, Kampung Ayer di sini.

Beliau sekarang dikenali dengan nama Islamnya Dayang Sopiah binti Abdullah. Beliau telah diislamkan oleh Dayang Hajjah Zahrani binti Haji Wasli, Guru Ugama dari Pusat Dakwah Islamiah.

Majlis pengislaman pada hari tersebut juga diserikan dengan zikir marhaban. — Gambar oleh Pg. Ladun bin Pg. Bakar (Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan).



## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 6 November, 1985 hingga ke hari Selasa 12 November, 1985 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR Mulai | ZUHUR Berakhir | ASAR Mulai | ASAR Berakhir | MAGHRIB Mulai | MAGHRIB Berakhir | ISYAK Mulai | ISYAK Berakhir | IMSAK | SUBUH Mulai | SUBUH Berakhir | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Oktober | | | | | | | | | | | | |
| 6–10 | 12.10 | 3.27 | 3.28 | 6.06 | 6.07 | 7.21 | 7.22 | 4.48 | 4.34 | 4.49 | 6.05 | 60.6 |
| 11–12 | 12.11 | 3.28 | 3.29 | 6.06 | 6.07 | 7.21 | 7.22 | 4.49 | 4.35 | 4.50 | 6.06 | 6.07 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

## Kelas Bimbingan IQRA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Membaca Al-Quran (IQRA) memaklumkan bahawa pendaftaran murid-murid baru bagi memasuki kelas Bimbingan Al-Quran dan Muqaddam tahun 1986 kini telah dibuka bermula pada 1.11.85 yang lepas.

Borang-borang pendaftaran boleh didapati daripada Pengiran Haji Tuah bin Pengiran Haji Muhammad, di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Ahmad bin Haji Awang Damit di Pejabat Audit dan Awang Haji Suhaili bin Haji Tarif, di Jabatan Kerja Raya, Bahagian Air, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Kesemua borang penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat dari 31 Disember '85.

# ALLAH MENUNTUT SEMBILAN SIFAT MUKMIN SEJATI

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah, mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Sifat-sifat yang dituntut oleh Allah bagi seorang mukmin adalah banyak, sama ada sifat-sifat bagi dirinya sendiri sahaja, atau ianya sebagai salah seorang anggota masyarakat atau bagi kebajikan seluruh kumpulan masyarakat di mana ia berada, kerana sifat-sifat yang mesti ada bagi setiap orang mukmin itu menggambarkan pegangannya, kepercayaan serta pendirian dari ugama yang dianutinya.

Bagi seorang mukmin, sifat inilah menjadi teras iman kepada ugama Islam yang diikutinya.

Di dalam Al-Quran terdapat sebanyak lapan puluh sembilan kali Allah Subbanahu Wataala menyeru umat Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan menggunakan perkataan *'Ya aiyuhallazina amanu'* (yakni wahai orang-orang yang beriman), yang mana kesemuanya itu diturunkan selepas Nabi berhijrah dan dakwah Baginda hanya di sekeliling Kota Mekah sahaja, ayat-ayat yang diturunkan semuanya menyeru kepada manusia umum sahaja iaitu *Ya aiyuhannas'* (bererti wahai manusia).

Di antara kedua-dua seruan ini terdapat perbezaan maksud yang terkandung di dalamnya. Ayat *'Ya aiyuhallazina amanu'* bermaksud menyeru orang-orang yang telah beriman dan menyambut seruan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, sedang ayat *'Ya aiyuhannas'* pula ditujukan kepada manusia secara umum iaitu bagi mengenalkan kepada mereka akan seruan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang dibawa Baginda.

Oleh yang demikian sifat-sifat yang dikehendaki oleh Al-Quran bagi setiap anggota masyarakat Islam itu bolehlah dipetik dari beberapa di bawah:

1. Surah An-Anfal ayat 2 hingga 4 yang bererti:

*Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah mereka apabila disebut nama Allah gementar hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya maka bertambahlah iman mereka kepada-Nya dan kepada Tuhanlah mereka bertawakal iaitu orang yang mendirikan sembahyang dan memberikan sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka itulah orang yang beriman dengan sebenarnya. Mereka akan memperoleh beberapa darjat ketinggian di sisi Tuhannya dan keampunan serta rezeki yang mulia.*

2. Surah Al Mukmin ayat 1 hingga 11 yang bererti:

*Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman iaitu orang-orang khusyuk dalam sembahyangnya dan orang-orang yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang tiada berguna dan orang-orang menunaikan zakat dan orang-orang yang menjaga kemaluannya, kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba yang mereka miliki, sesungguhnya dalam hal ini mereka tidak cela maka barangsiapa yang mencari selain itu, mereka itulah orang-orang yang melampaui batasan. Dan orang-orang yang memelihara amanah dan janji dan orang-orang yang memelihara sembahyang mereka itulah orang-orang yang akan mewarisinya, iaitu mereka mewarisi syurga firdaus, mereka kekal di dalamnya.*

Dari maksud ayat-ayat di atas dapat diambil kesimpulan sifat-sifat yang patut dimiliki oleh orang mukmin iaitu:

1. Takut dan gementar hati apabila disebut kebesaran Allah.
2. Imannya bertambah apabila dibacakan ayat-ayat Alllah.
3. Bertawakal kepada Allah.
4. Mendirikan sembahyang.
5. Mengeluarkan zakat.
6. Menjaga diri dan kehormatan.
7. Pemurah.
8. Menjaga amanah dan janji.
9. Menjaga akidah dan kepercayaan.

Sifat-sifat yang dinyatakan di atas ialah sifat-sifat yang dituntut oleh Allah kepada setiap orang mukmin kerana sifat-sifat itulah yang menentukan pendirian mukmin sejati dan tidak semestinya kita bersifat mukmin pada nama sahaja sedang tuntutan-tuntutan ugama tidak kita ikuti, kerana dengan ketiadaan sifat-sifat ini tentu akan melahirkan manusia yang tidak mensyukuri nikmat-nikmat Allah. Apabila di dalam kesenangan lupakan Tuhan tetapi apabila di dalam kesusahan baru mengingat Allah dan memohon pertolongan-Nya.

Mudah-mudahan segala amal perbuatan kita diredai Allah dan kita termasuk di dalam golongan mukmin sejati yang benar-benar takwa kepada Allah Subhanahu Wataala.




*Menuju keredaan Allah*

# Fesyen pakaian tampakkan nilai harga diri dan maruah

DI ZAMAN yang serba moden ini kita tidak lagi terlindung kepada penglihatan yang sukar dilihat pada asalnya mengenai keolahan dan gaya manusia, baik melalui Televisyen, mahupun di majalah-majalah, apa lagi ada yang dapat dilihat langsung dengan mata kepala sendiri. Menyentuh dalam hal ini, kita ingin menulis mengenai fesyen pakaian yang terdapat sekarang. Berbagai-bagai fesyen dan namanya yang menarik diketengahkan dan tidak kurang pula banyak pengikut dan penggemar yang memakainya. Apakah dengan berkembang maju dan banyak penemuan-penemuan fesyen baru semestinya kita mengikutinya, atau berubah sikap terhadapnya. Walaupun pada hakikatnya ianya melibatkan penilaian harga diri atau maruah pemakainya kepada tahap yang rendah dalam kaca mata Islam.

Sebagai sebuah negara Berdaulat dan Merdeka yang berunsurkan dan berteraskan Negara Melayu Islam Beraja yang mana pada sebutannya telah dapat difahami antara perkataan Melayu dan Islam, ianya melambangkan satu bangsa yang bersopan santun dan berkebudayaan tinggi ditambah pula dengan Islam yang melambangkan satu ugama yang sebenar dan bersifat tegas dan suci. Maka apakah teras kenegaraan ini akan kita runtuhkan kalau hanya sekadar mahu mengikut sedap pada pandangan dan senang dinikmati, mengapa kita mahu lari dari kenyataan yang telah tertulis dalam dasar ugama kita — Islam. Perkara pokok yang ingin kita ketengahkan ialah tentang pakaian tadi, kita bersyukur telah banyak orang-orang kita terutama kaum wanita, baik yang bertugas di Jabatan-Jabatan Kerajaan mahupun di syarikat-syarikat swasta telah kebanyakannya berpakaian baju kurung dengan tudung-tudung dakwah ataupun pakaian-pakaian yang bercorak ke-Melayuan. Tetapi yang malangnya ada pula yang pada mulanya berpakaian atau bertudung dakwah bagi perempuan dan berkupiah bagi lelaki akhirnya dibuang entah ke mana, malah ada pula yang berpakaian fesyen baru yang menampakkan aurat yang lebih atau potongan yang senghaja melihatkan bentuk susuk tubuh badannya dan kebetulan ianya seorang Islam apa lagi bangsa Melayu orang Brunei sendiri. Mungkin kalau mereka ini bekerja di syarikat-syarikat swasta atau awam ianya tidak begitu diambil kira, tapi mungkin sebaliknya digalakkan supaya menarik para pelanggan mereka dan sudah tentu membawa hasil keuntungan kepada syarikat atau tempat mereka bekerja tadi. Akan tetapi bagaimana pula jika mereka tadi yang bertugas di Jabatan-Jabatan Kerajaan apa lagi pihak-pihak berkenaan tersebut sentiasa terdedah kepada umum dalam segi pentadbirannya yang sentiasa berurusan dan berdepan dengan orang ramai? Apakah ianya tidak menjejaskan imej jabatan itu sendiri dan secara tidak langsung ketegasan ugama Islam tercabar. Ini akan membawa penilaian umum kepada Ketua Jabatan berkenaan yang dapat mereka ukur setakat mana keupayaan dan kefahaman mereka dalam menghayati apa yang dinamakan berugama tadi.

*"Dan katakanlah kepada perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram); dan memelihara kehormatan mereka . . . ."*

Kalau dalam Islam kita telah memahami bahawa ada had-had yang telah ditentukan bagi seorang wanita menutup auratnya, begitu juga pada lelaki, sebagaimana yang telah ditentukan dalam Al-Quran Surah An-Nur ayat 31 yang kira-kira bermaksud: "Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram); dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka, atau bapa mertua mereka, atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau suadara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya." Akan tetapi apakah dengan pengaruh dalam sosial lebih kuat menarik fikiran dan keinginan kita kepada bentuk yang dianggap menarik dan maju walaupun ianya bertentangan dengan akidah ugama yang kita anuti selama ini, ini tidak bermakna bahawa Islam itu ugama kolot, dan mengungkung penganutnya dalam segi pakaian, atau supaya kita sentiasa disuruh memakai purdah atau jubah, atau pakaian tersebut boleh dibuat sukat-sukat bagi mengukur bahawa seseorang itu benar-benar orang beriman dan bertakwa dalam Islam, akan tetapi apa yang kita mahu penyesuaian pakaian dan fesyen hendaklah merupakan satu bentuk pakaian yang dapat memenuhi kehendak sebagai manusia yang berugama Islam tadi. Biarlah perempuan merupakan seorang perempuan, dan lelaki merupakan seorang lelaki, kerana dalam kehidupan moden dewasa ini pakaian dan gaya keduanya ada yang hampir serupa. Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam begitu membenci sikap dan gaya sedemikian sepertimana dalam hadis Baginda riwayat Bukhari yang begitu: Ibnu Abbas r.a. berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melaknat orang lelaki yang berlagak perempuan, dan orang perempuan yang berlagak meniru lelaki.

Sebuah lagi hadis riwayat Abu Daud : Abu Hurairah r.a. berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah melaknat orang lelaki yang meniru pakaian perempuan dan orang perempuan memakai pakaian lelaki.

*"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah melaknat orang lelaki yang meniru pakaian perempuan dan orang perempuan yang berlagak meniru lelaki."*

Maka itu manusia yang menamakan dirinya seorang Islam yang terlibat, baik yang melakukannya mahupun orang yang bersimpati apalagi yang memberikan galakan ke arah perkara sedemikian adalah mereka yang tidak mengambil berat malah cuba meruntuhkan imej atau nilai Islam, Apakah kita mahu menjadi ahli atau anggota neraka jahanam di mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menegaskan dalam satu hadis Baginda lagi yang bermaksud : "Abu Hurairah r.a. berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Dua macam ahli neraka yang belum saya lihat, satu kaum yang memegang pecut (cemeti) bagaikan ekor lembu digunakan memukul orang-orang. Dan kedua; orang perempuan yang berpakaian tetapi bagaikan telanjang, merayau-rayau menarik hati dan berlenggang-lenggang bagaikan punggung unta yang mereng, mereka tidak akan masuk syurga dan tidak mendapat baunya, padahal bau syurga terasa dari jarak perjalanan sekian-sekian (jarak yang amat jauh)." (Hadis riwayat Muslim).





DI antara pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan jemputan yang menghadiri Upacara Selamat Datang di Pelabuhan Muara.



TETAMU kehormat, Awang Sidek bin Yahya, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diperkenalkan kepada Ketua Perwakilan Malaysia, Awang Ong Ang Ieam.

KAPAL Belia Asia Tenggara, 'NIPPON MARU' yang membawa 252 peserta dari negara ASEAN dan Jepun. (Gambar kanan)




ROMBONGAN Belia Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Awang Abu Bakar bin Moksin.

# RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA BERFAEDAH

Oleh Abd. Karim HAB
Gambar oleh Harun Rashid

MUARA. — Pengalaman menarik dan mendebarkan semasa menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara akan menjadi pengetahuan yang berharga bagi para peserta dalam menjadi seorang warganegara yang berguna.

"Pengalaman itu akan menjadi sumbangan bernilai dalam kerjaya Awang-Awang dan Dayang-Dayang di masa depan. Sebahagian Awang-Awang dan Dayang-Dayang akan menjadi para pemimpin politik, usahawan, golongan terpelajar dan para teknorat. Pengalaman seumpama ini tidak akan diperolehi di bilik-bilik darjah. Ia sangat berharga dan tidak ternilai," kata Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan kepada 252 orang belia dari tujuh buah negara yang menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 1985 di majlis mengalu-alukan mereka di Dermaga Pelabuhan Muara pada pagi Khamis lepas.

Katanya, rancangan itu melambangkan kerjasama serantau dan penyelarasan yang bernilai dalam hubungan antarabangsa, kerjasama dan persefahaman.

"Saya merasa amat terharu atas sokongan dan kerjasama yang menggalakkan terhadap rancangan ini di negara ini, negara-negara ASEAN yang lain dan negara penaja, Jepun," ujarnya.



PESERTA dari Singapura menerima 'bunga telur' sebaik-baik turun dari kapal.

# 'BRUNEI DARUSSALAM' dapat sambutan

NEWSLETTER bahasa Inggeris BRUNEI DARUSSALAM yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, mendapat sambutan yang menggalakkan dari semua pihak memandangkan ia bersesuaian untuk bacaan serta tatapan masyarakat antarabangsa. Mengalu-alukan pandangan keluaran sulungnya Oktober 1985, beberapa orang pembaca luar negeri memberi pendapat.

"BRUNEI DARUSSALAM tambah memperdekatkan hubungan antara negara ini dengan pembaca-pembaca di negara kami," demikian kata seorang wartawan Singapura yang menghubungi melalui telefon dan menyambung, "ia akan lebih mendedahkan kami kepada kehidupan serta tanggapan masyarakat Brunei terhadap pelbagai isu serantau."

Seorang wartawan dari Filipina yang pernah mengikuti program latihan kewartawanan ASEAN pula mengulas, "Syabas, selama ini pihak kami teraba-raba dalam mencari perkembangan mengenai Negara Brunei Darussalam tetapi dengan munculnya newsletter BRUNEI DARUSSALAM ia dapat membantu kami untuk tambah mengenali rakan ke-enam negara anggota ASEAN. BRUNEI DARUSSALAM tentunya dari semasa ke semasa akan dapat ditingkatkan."

"Selama ini saya hanya dilanggani dengan PELITA BRUNEI yang berbahasa Melayu tetapi bila menerima BRUNEI DARUSSALAM, semua teman-teman berebut untuk membacanya terutama bagi mereka yang tidak fasih berbahasa Melayu," kata seorang pemberita Malaysia yang berpusat di Kuala Lumpur lalu menyambung, "Lain keluaran, kirimlah puluhan keping untuk diedarkan kepada rakan-rakan yang begitu berminat untuk mengetahui secara 'firsthand' mengenai sebarang perkembangan serantau terutama perkembangan sosio-budaya negara Brunei."

Seorang wartawan dari Thailand pula menghubungi kita dengan mengatakan bahawa penerbitan BRUNEI DARUSSALAM sangat diperlukan dalam menanamkan semangat muhibah di kalangan negara anggota ASEAN.

Beberapa buah kedutaan serta Pesuruhjaya asing di negara ini juga mengalu-alukan penerbitan BRUNEI DARUSSALAM ini. Bahkan setengah dari kedutaan serta suruhanjaya tersebut meminta agar bekalan kepada mereka akan dapat ditambah jumlahnya. Jabatan Penerangan hanya mengirim suatu jumlah yang dihadkan kepada setiap kedutaan serta suruhanjaya asing di negara ini.

BRUNEI DARUSSALAM keluaran November 1985 telah pun terbit seperti yang dijangkakan iaitu awal bulan November. Muka depannya ialah mengenai Universiti Brunei Darussalam manakala muka surat ketiga terdapat titah lengkap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Komanwel pada 1 Oktober 1985 yang berlangsung di Republik Maldives.

Rencana pengarang BRUNEI DARUSSALAM keluaran November 1985 pula menekankan tentang penglibatan belia dalam aktiviti pembangunan.

"Pembangunan suatu bangsa tidak semata-mata diukur dari kemantapan ekonominya serta keselesaan sosio-budaya tetapi juga kesanggupan belia-belia kita dalam mengisi aktiviti-aktiviti pembangunan itu yang termasuk juga melibatkan diri secara aktif dalam sektor pertanian."

Rencana pengarang itu seterusnya menulis bahawa minat mendalam yang diperlihatkan oleh orang-orang kita dalam sektor persendirian dan buruh ini memanglah dialu-alukan, suatu petanda bahawa kita mahu bersaing dengan bangsa lain yang sudah maju dalam sektor ini, akan tetapi sekadar minat dan persaingan saja tanpa berusaha melibatkan secara aktif belia-belia kita dalam sektor ini di peringkat pelaksanaan tidak memberuntungkan dalam ertikata sebenarnya. Keutuhan suatu sektor persendirian dan buruh orang-orang kita haruslah diseimbangkan dengan sumbangan secara aktif belia-belia kita sendiri, barulah tanggungjawab itu sungguh bererti. — MSAL.


بروني دارالسلام
BRUNEI DARUSSALAM

National university born

'Brunei Darussalam' keluaran bulan Nobember

# DULI PENGIRAN BENDAHARA TINJAU LATIHAN DI SERIA

SERIA. — Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan berangkat meninjau latihan persiapan lebih 18 orang athlit di Padang Arena Sukan Seria di sini petang Selasa lepas.

Ketibaan Duli Yang Teramat Mulia dengan pesawat helikopter dijunjung oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin dan penolongnya Pengiran Ali Hassan bin Pengiran Haji Abas.

Duli Yang Teramat Mulia diiringi oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain dan seorang pegawai kanan jabatan berkenaan.

Di lawatan itu, Duli Yang Teramat Mulia berkesempatan berbual mesra dan berbincang mengenai latihan yang dijalani oleh para athlit berkenaan selain menerima taklimat dari Dr. James Thoma, jurulatih olahraga.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah mendengar taklimat dari jurulatih olahraga di samping mendengar masalah yang dihadapi dalam latihan-latihan mereka. — Gambar oleh Harun Rashid.

# 10 orang dilantik J-kuasa Tetap Bahasa Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melantik 10 ahli bagi menganggotai Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu.

Lantikan itu terbahagi dua iaitu lantikan atas jawatan dan lantikan atas peribadi.

Pegawai-pegawai yang dilantik atas jawatan ialah Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad Kadi selaku Pengerusi; Pengarah Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Dayang Hajjah Azizah PADP Haji Abdullah - Ahli; Penolong Pengarah Pelajaran (Bahagian Kurikulam), Pengiran Hajjah Mariam Pengiran Haji Metarsad -Ahli; Ketua Pelajaran Ugama, Ustaz Awang Haji Mohd Amin PDPD Haji Abd Rahim - Ahli.

Penasihat Undang-Undang, Dk.Zabaidah Pengiran Kamaludin - Ahli; Pegawai Kanan Bahasa (Bahagian Pembinaan Bahasa & Pengembangan Bahasa), Awang Amin BPK Haji Sirat -Ahli; dan Pegawai Bahasa (Cawangan Istilah), Dayang Kamisah Haji Rahmat -Setiausaha.

Manakala lantikan atas peribadi pula terdiri dari Pengiran Badaroddin bin Pengiran Ghani - Ahli; Awang Mahmud Haji Bakyr -Ahli; dan Awang Zaini Haji Omar - Ahli.

Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi menyatakan perkara itu di Majlis Perasmian Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu pada pagi Selasa 29 Oktober, di Bilik Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka di sini.

Menurutnya, fungsi dan tugas jawatankuasa itu agak berbeza dengan tugas Jawatankuasa Tertinggi Istilah.

"Jawatankuasa Tetap Istilah sesuai dengan nama jawatan itu cuma menumpukan perhatian dalam soal-soal pembentukan istilah. Manakala Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu mempunyai tugas yang agak luas iaitu mencakupi bidang bahasa, ejaan dan istilah," jelas beliau.

Pemangku Pengarah DBP itu memberitahu, pembentukan Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu sesuai dengan keperluan pembentukan jawatankuasa yang serupa di Indonesia dan Malaysia dan dihubungkaitkan dengan keperluan jangka panjang bagi pelbagai pihak yang terlibat dengan kepentingan bahasa sama ada dari segi penggunaan, pelaksanaan, penguatkuasaan dan untuk keperluan pendidikan dan orang awam.



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi menyampaikan cenderamata kepada tetamu kehormat, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya. — Gambar oleh Harun Rashid.

# Perolehi ijazah sarjana Falsafah (M.phil)

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim, telah berjaya memperolehi ijazah Sarjana Falsafah (M. Phil) dari pda Universiti Cambridge, England pada 22 Oktober lepas. Beliau adalah anak tempatan pertama memperolehi ijazah tersebut dari universiti berkenaan.

Awang Haji Abd. Latif sekarang bertugas di Pejabat Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, dengan memegang jawatan Pemangku Timbalan Pengerusi. Sebelum itu, beliau pernah bertugas di Pejabat Muzium Brunei dari tahun 1965 — 1982, dan jawatan terakhir yang pernah beliau pegang di Muzium itu ialah Kurator Etnografi.



Awg. Hj. Abd. Latif

# SMSBB JALANKAN PENYELIDIKAN SEISMIK TANAH DI JERUDONG

SERIA. — Syarikat Minyak Shell Brunei telah menjalankan penyelidikan seismik tanah di kawasan Jerudong sejak pertengahan bulan lepas, dan ini akan diteruskan sehingga penghujung bulan Januari tahun depan. Penyelidikan itu adalah sebahagian dari usaha mencari minyak dan gas secara berterusan.

Kerja-kerja penyelidikan akan melibatkan beberapa lot tanah. Bagaimanapun, semua kegiatan akan terhad pada waktu siang dan pekerja-pekerja telah diarahkan supaya menghormati keterangan tuan-tuan punya tanah.

Tanah-tanah yang terlibat ialah Lot. 1317 Datin Hjh Naimah bte Hj. Razali, Lot. 4561 Bakar bin Lazim @ Azmain, Lot. 4906 Garif bin Hj. Jumaat, Lot. 23190, 23189 dan 23188 Hj. Tamat bin Rahman, Lot. 23187 Abd. Hamid bin Haji Tamat @ Damit bin Tamat, Lot. 4915 Awg. Siti bin Hj Tahir @ Musa, Lot. 4916 Ahad bin Sia, Lot. 2718 Mumin bin Bungsu, Lot. 22950 Dagang bin Hj. Tahir, Lot. 22949 Ajijah bte Hj. Tahir dan Lot. 22948 Awg. Siti bin Hj. Tahir @ Musa.

Lot. 7830 Lee Eng Gee, Lot. 18385 Ramli bin Hj Tamin, Lot. 18383 Osnah bte Hj. Tamin, Lot. 18384 Siti Asnah bte H. Tamin, Lot. 18382 Masri bte H. Tamin, Lot. 6211 Dy. Zaibah Aisah bte Abd. Rahim, Lot. 17074 Norjanah bte Mohd. Said, Lot. 3830 Metassan bin Gapar, Lot. 11222 Ak. Abd. Aziz bin Pg. Abu Bakar (Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Hj. Abd. Aziz), Lot. 8985 Hj. Murni bin H. Bakar, Lot. 5759 Ahmad bin Ismail, Lot. 12062 Jerudong Park, Lot. 21685 Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Jefriah, Lot. 21684 Mardianah bte Hj. Ya'acob, Lot. 21683 Mas Alinah bte Hj. Ya'acob, Lot. 17073 Aisah bte Md. Said dan Lot. 9012 Lim Beng Ching.

Kerja-kerja penyelidikan akan melibatkan kerja-kerja mengukur, membuat rentis dan jambatan, menyukat, penggalian dan letupan, serta peletupan dan perakaman.

Juruukur akan menentukan dengan tepat di mana garisan akan ditempatkan, dan akan berjalan di sepanjang garisan itu dengan membawa peralatan dan peta-peta serta memasang tanda-tanda untuk menunjukkan pekerja-pekerja berikutnya di mana garisan itu ditempatkan.

Dalam membuat rentis dan jambatan, operasi dibuka melalui hutan di sepanjang tanda-tanda yang dipasang. Jambatan yang dibina diperbuat dari berbagai ukuran kayu, yang dibentangkan di atas lembah, gaung dan tempat-tempat yang becak dan lembab, tangga-tangga di bukit-bukit curam serta pagar-pagar untuk berpegang. Pembinaan jambatan adalah penting, dan ini memungkinkan mereka membina jambatan di kawasan yang diduduki orang.

Dalam kerja menyukat pula, tanda-tanda yang digunakan mengandungi pancang-pancang kayu kecil, ataupun tanda-tanda cat merah pada pokok kayu atau jambatan. Bagi kejayaan keseluruhan pengambilan data, pekerja perlu melakukan kerja-kerja menyukat kandungan-kandungan bawah permukaan tanah.

Bagi penyiasatan seismik, gelombang bunyi terpaksa dibuat dibawah tanah dan gemanya, yang menunjukkan bentuk bawah permukaan tanah dirakamkan. Cara yang diperbuat di Seria ialah bunyi ini dibuat dengan meletupkan bahan letupan yang kecil yang ditanam di bawah tanah. Letupan itu akan dibuat di bawah tanah dan pekerja akan menggali lobang bagi setiap letupan. Mereka juga akan memerlukan air yang banyak bagi membantu penggalian dan mereka akan menggunakan peralatan seperti pam-pam air dan hos yang panjang.

Peringkat akhir pengambilan data ialah peletupan dan perakaman, dengan pemasangan alat-alat pengesan di bawah tanah yang mana akan merakamkan gema gelombang bunyi di bumi. Pengesan ini disambung dengan kawat-kawat letrik ke sebuah landcruiser. Ianya tidak merbahaya tetapi bagi mengelakkan sukatan dari terganggu, seseorang adalah dikehendaki supaya tidak menyentuh kawat-kawat tersebut.

Semua sukatan yang diambil oleh Seismograph Services Limited (SSL) akan diolah oleh komputer di Pejabat Shell Brunei di Seria. Keputusan akan ditafsir oleh para ahli kaji bumi bagi memperbaiki pihak berkenaan mengenai bentuk bumi di dasar Seria.

Sebarang kerosakkan disebabkan oleh kerja penyelidikan akan diganti rugi secara penuh oleh Shell Brunei dan SSL, setelah pemeriksaan kerosakan dibuat. Mereka yang mempunyai hak sah untuk menuntut gantirugi kerosakan bolehlah berhubung ke pejabat-pejabat SSL di Seria atau terus kepada kerani kerosakan apabila dia meronda garisan tersebut.

# Peraduan Melukis Ilustrasi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penghakiman bagi Peraduan Melukis Ilustrasi '85 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka telah berlangsung pada Isnin lepas.

Awang Yusoff bin Haji Mat. Zain telah muncul sebagai pemenang pertama sementara tempat kedua ialah Awang Abd. Wahab bin Haji Jaafar kedua-keduanya dari Jabatan Radio dan Televisyen Brunei. Tempat ketiga ialah Awang Haji Md. Salleh bin Haji Ibrahim dari Pusat Sejarah.

Sementara itu seramai 8 orang peserta yang lain juga mendapat hadiah penghargaan.



YDM Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan ketika berucap di majlis memulakan kursus di Universiti Brunei Darussalam.

# JANGAN PERALAT 'ACADEMIC FREEDOM' SEBAGAI MEMENUHI TUNTUTAN — Menteri Pelajaran dan Kesihatan

Oleh Ahat Ismail

GADONG. — Para pensyarah dan mahasiswa Universiti Brunei Darussalam (UBD) diingatkan supaya tidak mengikuti trend beberapa buah Universiti luar negeri yang memperalatkan academic freedom sebagai memenuhi tuntutan atau perubahan.

Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz berkata, setengah-setengah universiti luar negeri terlalu ghairah membuat tuntutan perubahan tanpa memikirkan bahaya dan ketenteraman masyarakat yang lebih ramai.

"Dengan lain-lain perkataan, bukanlah keinginan kita untuk melihat sikap yang keterlaluan yang dilakukan oleh sebahagian mahasiswa di negara luar yang memperalatkan academic freedom dengan menimbulkan keriuhan di kampus-kampus atau tunjuk-tunjuk perasaan di jalan-jalan raya," jelas Yang Dimuliakan Pehin.

Berucap di majlis memulakan Kursus dan Orientasi bagi mahasiswa-mahasiswa pertama UBD minggu lepas, Yang Dimuliakan Pehin menegaskan bahawa Negara Brunei Darussalam mempunyai adat resam dan ciri-ciri kehidupan halus dan bertertib dalam melahirkan buah pendapat atau pandangan.

"Dari awal-awal lagi saya ingin tegaskan bahawa para mahasiswa berhak menempa kejayaan demi kejayaan di bidang akademik, akan tetapi dalam apa keadaan sekalipun, masyarakat berhak pula mengharapkan bahawa para mahasiswa akan sentiasa menunjukkan kedewasaan berfikir dan kehalusan befikir," tegasnya.

Yang Dimuliakan Pehin menerangkan bahawa academic freedom bagi UBD antara lain bermaksud bahawa para mahasiswa boleh menjadi contoh teladan yang baik di bidang ilmu, budi pekerti dan cita-cita mulia ke arah memikul tanggungjawab kehidupan bernegara dan bermasyarakat.

Seterusnya Yang Dimuliakan Pehin menaruh harapan agar di UBD nanti tidak terdapat mahasiswa yang masuk ke bilik-bilik kuliah dengan pakaian yang tidak selayaknya dan keolahan kurang manis atau lelaki berambut panjang, kononnya atas nama kebebasan academic.

"Kita sebenarnya berharap dan berdoa, semakin tebal ilmu di dada semakin mulia budi perkertinya, semakin jelas rasa tanggungjawab dan semakin nampak kebolehannya untuk menjadi pergantungan ugama, bangsa dan negara," jelas Yang Dimuliakan Pehin lagi.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Laila, Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman begitu tertarik dengan bentuk logo UBD, dengan diperhatikan oleh Menteri Pelajaran dan Kesihatan serta Setiausaha-Setiausaha Tetap dari Kementerian Kewangan, Pertahanan dan Perhubungan. — Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO.



MAHASISWA DAN MAHASISWI pertama UBD di majlis memulakan Kursus dan Orientasi di IPSHBG — Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO.

# PENGAJIAN TINGGI DI BRUNEI MEMASUKI ERA BARU

DENGAN tertubuhnya sebuah Universiti Brunei Darussalam di negara ini, (UBD) Negara Brunei Darussalam setapak lagi menempa era baru di bidang pengajian tinggi.

Seramai 174 orang termasuk 69 orang wanita telah terpilih untuk mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan. Sebelum memulakan pengajian, mereka yang terpilih itu telah memulakan kursus-kursus dan orientasi selama enam hari.

Sepanjang minggu itu mereka telah diberikan pelbagai taklimat serta ceramah-ceramah sebelum memulakan kursus-kursus yang mereka ambil.

Sebenarnya idea penubuhan universiti ini timbul disebabkan kegelisahan di kalangan para penuntut aliran Melayu yang telah menamatkan pengajian mereka dalam peringkat 'A', kerana tiadanya tempat bagi menampung mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi (universiti).

Menyedari mengenai masalah itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darusslam, mengambil inisiatif tegas untuk mengatasi masalah itu pada tahun 1976 di Majlis pertandingan Membaca ayat-Ayat Suci Al-Quran Baginda telah mengurniakan titah yang antara lain menyatakan :-

"Untuk menjayakan rancangan kemajuan ini Kerajaan Beta benar-benar berkehendakkan tenaga-tenaga yang berkualiti yang mempunyai pengetahuan yang tinggi serta pengalaman yang luas di samping mempunyai sifat-sifat kejujuran dan kesetiaan kepada Negeri Brunei Darussalam. Untuk mencapai matlamat yang dimaksudkan maka Kerajaan Beta akan menyiasat kemungkinan mengadakan kemudahan-kemudahan pelajaran tertinggi dalam Negeri Brunei dengan mendapatkan pandangan serta nasihat dari pakar-pakar badan pengajian tertinggi di United Kingdom ."

Ekoran daripada titah itu, Kerajaan selanjutnya mengambil langkah seterusnya dengan menubuhkan satu jawatankuasa oleh Majlis Pelajaran dan Jabatan Pelajaran mengenai penubuhan universiti yang kemudiannya menghadapkannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ke arah itu pelbagai rundingan sering diadakan bagi membuat kajian-kajian dengan beberapa orang pakar di mana mereka telah menghadapkan Interm Report yang telah dikaji oleh Jawatankuasa dan seterusnya dihadapkan kepada Kerajaan.

Dalam pada itu Majlis Pelajaran telah menyediakan pelbagai perkara mengenai penubuhan universiti bagi dihadapkan kepada Kerajaan. Antara perkara-perkara itu ialah cadangan tapak universiti, lantikan Naib Chancellor dan pegawai-pegawainya, skim latihan pegawai untuk jawatan-jawatan di universiti, rang undang-undang, rang perlembagaan dan staut serta skim perkhidmatan universiti.

Kemudian rancangan penubuhan universiti tertangguh buat sementara sehingga saat Majlis Pelajaran dibubarkan pada 1 Januari 1984. Langkah seterusnya penubuhan universiti kemudiannya dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.

Selepas hampir setahun Majlis Pelajaran dibubarkan, proses penubuhan universiti selanjutnya diteruskan dengan menghubungi beberapa buah universiti di United Kingdom, yang mana penghujung bulan April tahun ini, iaitu bersempena dengan majlis Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Suci Al-Quran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan menitahkan supaya penubuhan universiti dilaksanakan pada tahun ini juga.

Dengan kerjasama daripada University College of Cardiff, dan University of Leeds dari United Kingdom, serta juga Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia, maka tertubuh dua fakulti iaitu Fakulti Pendidikan dan Fakulti Sastera selain kursus-kursus dalam aliran Melayu.



# GERAKAN KERJASAMA PEMBASMI PENYAKIT MASYARAKAT

Oleh: Pg. Ahmad Pg. Metassan
Jabatan Kemajuan Kerjasama

Masalah utama yang sering dihadapi oleh negara-negera membangun sekarang ialah masalah penyakit masyarakat. Apabila disebut penyakit masyarakat bukanlah bermakna berjenis-jenis penyakit yang telah lazim kita ketahui. Penyakit yang dimaksudkan ialah:

i) Sikap 'kau, kau' dan 'aku, aku'

ii) Sikap sentiasa bergantung kepada orang lain.

iii) Sikap tidak patuh kepada undang-undang.

iv) Sikap memandang tidak indah pada dasar pendidikan.

Keempat-empat penyakit yang saya sebutkan di atas adalah sebab-sebab dan punca-punca utama yang melambatkan kebangkitan bangsa kita dalam perlumbaan kemajuan dengan bangsa-bangsa lain di dunia. Bagi negara kita, Negara Brunei Darussalam yang baru saja melangkah ke era baru iaitu zaman merdeka, kebangkitan masyarakat Melayu Brunei untuk mendukung dan melaksanakan setiap usaha kerajaan pada menambahkan kemakmuran dan keamanan negara serta mematahkan sebarang percubaan untuk mengkucar-kacirkan negara sangat-sangatlah diharapkan. Selain dari itu sebarang usaha untuk melahirkan masyarakat Melayu Brunei yang bersih dari penyakit-penyakit yang saya sebutkan di atas adalah juga merupakan usaha-usaha yang bukan sahaja dianggap sebagai berkebajikan malah adalah dianggap satu perjuangan yang akan menentukan bangun dan rebahnya, masyarakat dan Bangsa Melayu Brunei serta maju dan mundurnya Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini.

Adalah diakui bahawa penyakit-penyakit masyarakat yang disebutkan di atas terlalu sukar untuk dikikis habis dari jiwa dan nurani masyarakat. Walau bagaimanapun untuk mengubati penyakit sedemikian kita masih mempunyai jalan yang saya rasa amat sesuai dan amat berkesan untuk mengurangkannya kalaupun tidak secara seratus peratus untuk menghapuskannya. Salah satu cara untuk menghapuskan penyakit sedemikian ialah dengan cara kita menganggotai atau menjadi ahli dalam mana-mana syarikat kerjasama. Dalam syarikat kerjasama, terdapat beberapa dasar yang sekali gus bertentangan dengan penyakit-penyakit masyarakat yang saya sebutkan awal-awal tadi dan dasar-dasar ini pula saya rasa adalah ubat atau remedy yang paling baik dan berkesan untuk menyembuhkan penyakit masyarakat yang disebutkan. Antara dasar-dasar atau prinsip-prinsip yang terdapat di dalam syarikat kerjasama ialah:

i) Memupuk perpaduan dan persaudaraan

ii) Menanamkan semangat berdikari

iii) Menanamkan semangat patuh pada undang-undang

iv) Mementingkan hal-ehwal pendidikan

Untuk mengetahui akan keistimewaan yang terdapat di dalam prinsip kerjasama marilah kita ikuti huraiannya satu persatu.

**i) Memupuk Perpaduan dan Persaudaraan**

Syarikat Kerjasama tidak akan lahir dan muncul jika hanya dimodali oleh sebilangan kecil dari individu. Syarat-syarat untuk pendaftaran sesebuah syarikat kerjasama di Negara Brunei Darussalam menghendaki sekurang-kurangnya atas permohonan 12 orang. Di sini telah jelas kepada kita bahawa syarikat kerjasama itu adalah sebuah syarikat yang lahir dari perundingan, permuafakatan dan perpaduan dari sebilangan masyarakat yang akhirnya beranggapan bahawa mereka itu adalah bersaudara antara satu dengan yang lain. Sebagai saudara, maka tidak akan timbul masalah dengki dan iri hati dan tidak pula akan timbul masalah nafsu-nafsi yang mana sikap dengki dan nafsu-nafsi ini adalah faktor utama yang membawa kepada kelemahan bangsa kita Melayu dalam apa-apa jua bidang, terutama sekali di dalam bidang perniagaan.

**ii) Menanamkan Semangat Berdikari**

Syarikat kerjasama seperti yang telah diterangkan adalah dimodali oleh sebilangan dari anggota masyarakat yang mempunyai kepentingan yang sama. Untuk memulakan perniagaan, syarikat kerjasama selalunya tidak memerlukan modal dari mana-mana pihak selain dari modal yang dikeluarkan oleh ahli-ahlinya sendiri. Jadi walau kecil sekalipun volume perniagaan syarikat kerjasama itu, saya rasa adalah sebaik-baik cara untuk memulakan perniagaan kerana unsur utama yang akan ditanamkan ke dalam jiwa ahli-ahli ialah sikap membela diri sendiri, yang tidak mahu tunduk kepada sebarang bantuan kewangan dari luar serta tidak pula mengharapkan perkhidmatan luar untuk keperluan diri sendiri.

**iii) Menanamkan Semangat Patuh Pada Undang-Undang.**

Menjalankan pengurusan dan pentadbiran serta perniagaan syarikat kerjasama bukanlah satu perkara yang mudah kerana selaku milik orang ramai, pihak pengurus yang dilantik bukanlah bererti tuan punya perusahaan. Mereka hanya diberi kuasa untuk menjalankan pengurusan dan pentadbiran, sedangkan apa-apa hal yang bersangkut-paut dengan kepentingan ahli perlulah mengikut undang-undang. Pendek kata di dalam syarikat kerjasama terlalu banyak berpandukan undang-undang, umpamanya jika seorang ahli jawatankuasa tidak hadir di sebarang permesyuaratan sebanyak 3 kali berturut-turut, maka dengan sendirinya ahli jawatankuasa yang berkenaan akan dilucutkan dari jawatannya. Di pihak ahli pula, jika telah didapati yang ia tidak menyokong perniagaan syarikat maka jawatankuasa pula berhak bertindak untuk menyingkirkannya dari menjadi ahli.

**iv) Mementingkah Hal-Ehwal Pendidikan**

Berlainan dengan lain-lain pertubuhan perniagaan, syarikat kerjasama sangat-sangat mengharapkan supaya setiap ahli mempunyai pengetahuan yang lengkap dan mencukupi terutama sekali dalam selok-belok pengurusan perniagaan. Dasar atau prinsip ini ditekankan ialah untuk membolehkan setiap ahli mempunyai peluang untuk duduk sebagai Pengurus dan mengetahui secara lebih lanjut dan meluas akan bidang perniagaan yang mereka kendalikan.

Dari huraian-huraian yang ringkas ini saya rasa telah sedikit sebanyak menggambarkan tentang apakah dia matlamat sesebuah syarikat kerjasama itu ditubuhkan, iaitu tidak lain dan tidak bukan adalah semata-mata untuk menyatupadukan rakyat, mengajar rakyat supaya tidak sentiasa bergantung sama ada dengan orang lain, apatah lagi dengan pihak kerajaan, melatih rakyat supaya sentiasa patuh kepada undang-undang negara dan menyambut baik akan dasar kerajaan kita yang sekarang ini mengutamakan dasar pelajaran semata-mata untuk membangunkan negara kita yang baru saja merdeka ini.

Setelah kita mengetahui di antara dasar-dasar dan prinsip-prinsip yang terdapat di dalam syarikat kerjasama itu, maka kesimpulannya saya rasa syarikat kerjasama itu lebih tinggi kedudukannya di masyarakat sekalipun ianya menjalankan perniagaan di kampung-kampung pedalaman dan terpencil di seluruh pelusuk negara. Memang diakui bahawa syarikat kerjasama di Negara Brunei Darussalam ini baru saja merangkak dan dengan yang demikian tidak hairanlah umum belum dapat melihat akan perkembangannya secara berkesan. Tetapi di dalam syarikat kerjasama bukanlah volume perniagaan yang menjadi ukuran, apa yang lebih penting ialah penyertaan rakyat Melayu Brunei yang mempunyai kesedaran untuk menjadikan dirinya sebagai warganegara yang sempurna serta dapat menyumbangkan bakti dan khidmat kepada negara dan bangsa Brunei yang tercinta ini.

# Mesyuarat Kepimpinan Penghulu Dan Ketua Kampung

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu mesyuarat ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Penyelaras Seminar Kepimpinan Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampung dan Ketua-Ketua Rumah Panjang telah berlangsung di Bilik Persidangan Rumah Persinggahan Kerajaan di ibu negara pada Isnin lepas.

Mesyuarat tersebut antara lain bagi membincangkan seminar kepimpinan bagi penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang di seluruh negara yang diadakan pada 9 — 15 November depan bertempat di Kampong Rimba, Gadong.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud yang dilantik sebagai Penasihat Seminar itu adalah di antara yang hadir di mesyuarat tersebut.

Menurut beliau, seminar selama seminggu itu dan merupakan yang julung-julung kalinya diadakan adalah bertujuan untuk membangkitkan kesedaran dan meningkatkan prestasi penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang tentang peranan mereka sebagai pemimpin masyarakat.

Seminar itu juga meningkat atau meninggikan lagi pengetahuan dan kefahaman mereka tentang tugas dan pentadbiran jabatan kerajaan serta pembangunan negara dan memberikan pengalaman dan pengetahuan tentang cara-cara menyelesaikan masalah yang ditimbulkan oleh anak-anak kampung.

Mesyuarat pada hari itu telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Tertinggi seminar, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin, Pegawai Daerah Brunei dan Muara dan seterusnya diikuti dengan penerangan mengenai tugas-tugas jawatankuasa-jawatankuasa penyelaras seminar oleh Pengerusi Tertinggi Jawatankuasa Penyelaras, Awang Mohd. Salleh bin Haji Mohidin.

Kemudiannya ahli-ahli jawatankuasa telah dibawa melawat ke Kampong Rimba, Gadong bagi menyaksikan tempat-tempat penginapan peserta-peserta seminar, dewan tempat pegawai-pegawai bertugas dan dewan makan.



MESYUARAT Ahli-Ahli Jawatankuasa Penyelaras Seminar Kepimpinan Penghulu-penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang bertempat di Rumah Persinggahan Kerajaan di ibu negara pada Isnin lepas (atas). Ahli-Ahli Jawatankuasa Penyelaras bergambar ramai sebelum memulakan mesyuarat (bawah). Gambar oleh Harun Rashid.



# PENYAMPAIAN HADIAH GAMBAR SLAID

BANDAR SERI BEGAWAN — Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan sesi fotografi mengenai 'Kawalan Cahaya' dalam pengambilan gambar potret pada hari Ahad, 10 November depan jam 7.30 pagi di hadapan bangunan RTB di sini.

Selepas itu akan diadakan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Peraduan Sehari Mengambil Gambar Slaid Berwarna kali kedua.

Semua ahli diharap memaklumi perkara ini dan diminta menghubungi Setiausaha Sosial, Haji Shamsuddin Idris atau Mohd Yusof Yassin di RTB.

# BERHATI-HATI JALANKAN TUGAS — Dato Paduka Haji Ali.

Oleh Ahat Haji Ismail

PEKAN TUTONG. — Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali menggesa Ahli-ahli Lembaga Bandaran Daerah Tutong supaya sentiasa berhati-hati dalam menjalankan tugas, terutama tugas-tugas yang berhubung dengan orang ramai.

Katanya, dengan demikian segala tugas-tugas yang diamanahkan akan dapat dilakukan dengan lancar tanpa sebarang gangguan.

"Jangan nanti disebabkan kelalaian, kecuaian dan inda ambil peduli tentang tugas masing-masing, abis kita akan menerima teguran-teguran daripada pihak orang ramai," tegas beliau.

"Jika perlu dalam menjalankan tugas masing-masing jangan kurang berunding, bukan saja berunding di antara ahli-ahli dan juga berjumpa dengan pengerusi, tetapi juga dengan orang ramai kerana orang ramai mungkin juga mengetahui satu-satu perkara yang tidak dapat diatasi," ujarnya.

Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali berkata demikian dalam satu majlis perjumpaan dengan Ahli-ahli Lembaga Bandaran Daerah Tutong di Bilik Persidangan di sini semasa beliau mengadakan lawatan singkat ke Daerah Tutong Khamis lepas.

Semasa dalam perjumpaan itu Dato Paduka juga menyatakan kepada Ahli-ahli Lembaga Bandaran agar mendalami tatacara tugas lembaga mengikut peraturan-peraturan tahun 1920.

Berdasarkan kepada peraturan tersebut, menurutnya, para ahli akan dapat memikirkan sama ada perlu atau sebaliknya perubahan dibuat berlandaskan kepada alasan-alasan tertentu.

Selain dari mengadakan perjumpaan dengan ahli-ahli lembaga, beliau juga telah mengadakan sesi soal jawab mengenai pelbagai masalah dengan ahli-ahli lembaga, serta melawat beberapa kawasan sekitar Pekan Tutong.

Lawatan tersebut antara lain bertujuan untuk meninjau lebih dekat tugas-tugas pihak lembaga serta memerhatikan sekitar kawasan perbandaran.



DATO Paduka Awg. Hj. Ali ketika membuat perjumpaan dengan Ahli-ahli Lembaga Bandaran Daerah Tutong. — Gambar oleh Harun Rashid.



DI Daerah tersebut Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bersama-sama Ahli-ahli Lembaga Bandara Tutong sempat membuat lawatan ke kawasan gerai makan di daerah tersebut. — Gambar oleh Harun Rashid.

# Brunei jadi anggota MBIM

**BANDAR SERI BEGAWAN — Negara Brunei Darussalam akan menjadi anggota rasmi Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia di persidangannya yang ke-24 di Jakarta pada 4 November depan.**

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya ketika mengumumkan perkara itu berharap perwakilan negara ini di dalam majlis itu akan dapat memainkan peranannya yang berkesan di mesyuarat-mesyuarat majlis itu di masa depan.

Menurutnya keyakinan itu berdasarkan hakikat bahawa negara ini sudah menyertai beberapa persidangan serupa sebagai pemerhati sejak lima tahun lalu.

Berucap melancarkan Perasmian Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu pada 29 Oktober lalu di Dewan Bahasa dan Pustaka, beliau menjelaskan penubuhan Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu adalah berdasarkan keperluan untuk memperkembangkan Bahasa Melayu di negara ini sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa rasmi negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan.

Katanya lagi, ia juga berdasarkan kepada penilaian oleh perwakilan-perwakilan negara ini dalam beberapa sidang Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia.

"Dengan penubuhan jawatankuasa ini sekarang menjadi keyakinan kita bahawa apa jua masalah yang timbul berhubung dengan bahasa itu sendiri akan dapat diselesaikan di badan ini berdasarkan kepada pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan ahli-ahli yang mewakilinya," ujarnya.

Beliau menjelaskan, tugas jawatankuasa berkenaan amnya bertujuan berusaha menyempurna dan melengkapkan sistem ejaan Bahasa Melayu, penggunaan pengistilahan serta menyelaras istilah-istilah Bahasa Melayu.

Selain itu jawatankuasa itu juga bertindak sebagai badan yang menentukan penyempurnaan sistem ejaan dan pedoman pembentukkan istilah Bahasa Melayu di negara ini.

"Badan ini juga akan dapat menjalin kerjasama yang rapat dengan Indonesia dan Malaysia melalui Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia," jelasnya.

Memandangkan latarbelakang ahli-ahli yang menganggotai Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu, beliau berkeyakinan bidang-bidang yang telah ditetapkan akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

## Pendaftaran dibuka

BERAKAS. — Pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat negara ini adalah dipelawa bagi mengikuti kursus sepenuh masa C&G No.855 Basic Cookery bagi Sesi 1986/1988 di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal.

Kursus selama satu setengah tahun itu akan bermula pada 2 Januari tahun depan. Pemohon-pemohon hendaklah lulus BJCE dan fasih bertutur Bahasa Inggeris. Bagaimanapun, keutamaan akan diberi kepada mereka yang mengikuti atau telah tamat tingkatan 5.

Borang permohonan bagi memasuki kursus itu boleh diperolehi dari Pengetua Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, dan hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 18 November jam 4.00 petang.

# KURSUS LATIHAN BELIA KAWASAN ASIA BERAKHIR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kursus Latihan Bagi Pelatih-Pelatih Belia Kawasan Asia kali ke-6 di Rumah Persinggahan Kerajaan di sini berakhir pada petang Khamis, 17 Oktober lepas.

Majlis penutupan kursus selama 10 hari itu telah disempurnakan oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain.

Tetamu kehormat itu juga menyampaikan sijil-sijil kepada 21 orang peserta dari lapan negara Komanwel di majlis itu.

Perbincangan sepanjang kursus itu bertemakan 'Method, Teknik dan Kemahiran' meliputi masalah-masalah belia dan penyelesaiannya, rujukan khusus di negara-negara rantau Asia, proses pembelajaran dan peningkatannya dan method-method latihan (latihan amali dan cara-cara penyampaian).



AWG. David Lo Tak Wai, peserta dari Hong Kong menerima sijil kursus dari Pengarah Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

## 6 November hingga 12 November 1985

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Kerajaan Limau Manis | 6.11.1985 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Pengkalan Batu | 6.11.1985 | Rabu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Masin | 6.11.1985 | Rabu | 11.00–12.00 t/hari |
| Di Hadapan Sekolah Rendah Kerajaan Kupang | 6.11.1985 | Rabu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan Jerudong | 9.11.1985 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 9.11.1985 | Sabtu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Sengkurong | 9.11.1985 | Sabtu | 11.00–12.00 t/hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 9.11.1985 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan OKSB Kilanas | 9.11.1985 | Sabtu | 3.15– 4.15 „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Bendahara Sakam Bunut | 9.11.1985 | Sabtu | 4.30– 5.30 „ |
| Di hadapan rumah Penghulu Mukim Serasa Muara | 10.11.1985 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Di kawasan rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 10.11.1985 | Ahad | 10.15–11.15 „ |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara | 10.11.1985 | Ahad | 11.30–12.00 t/hari |
| Sekolah Rendah Kerajaan Lumapas | 11.11.1985 | Isnin | 9.30–10.30 pagi |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah | 11.11.1985 | Isnin | 2.30– 3.00 petang |
| Sekolah Ugama Kampong Perpindahan, Berakas | 11.11.1985 | Isnin | 3.30– 4.30 „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan OKBI Subok | 12.11.1985 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Dato Mahawangsa Lambak | 12.11.1985 | Selasa | 10.30–11.30 „ |

# BRUNEI DARUSSALAM DALAM ASEAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam, ketika menghadiri Persidangan Menteri-Menteri Luar ASEAN di Jakarta tahun lepas.

Oleh: Mohd. Salleh Abd. Latif

ASEAN genap berumur 18 tahun pada 8 Ogos 1985 yang baru lalu. Usia remaja ini mengajak kita menoleh pandang, sekadar cuba menganalisa perkembangannya kerana sudah banyak kuasa-kuasa lain yang cuba bermain mata dengannya. Tentu saja, ASEAN diakui sebagai pertubuhan yang berwibawa kewujudannya diganti oleh dunia kerana ia dianggap contoh bagi pertubuhan-pertubuhan sejenisnya yang telah berhasil menyatupadukan negara-negara anggota dalam menilai dan mempertanggungjawabkan masalah-masalah regional.

Brunei Darussalam yang berpenduduk 220 ribu orang yang menghuni di bumi keluasan 5765 kilometer persegi ini baru saja satu tahun sepuluh bulan jadi keluarga ASEAN. Waktu yang singkat di samping halangan-halangan yang awal-awal lagi kita menyedari seperti kekurangan tenaga manusia tidak melalaikan kita untuk memikul sama tanggungjawab pertubuhan serantau ini. Kita sesungguhnya merasa komited.

## Diplomasi

Tujuan pokok penubuhan ASEAN seperti dalam Deklarasi Bangkok 8 Ogos 1967 adalah bagi mengembangkan kerjasama regional dalam bidang ekonomi dan sosio-budaya.

Akan tetapi kalau diteleti lebih jauh lagi persetujuan bagi penubuhan ASEAN ini adalah lebih merupakan suatu kesepakatan politik diplomasi.

Kenapa politik diplomasi? Setahun sebelum wujudnya ASEAN ada suatu permuafakatan lain yang tidak diketahui oleh pengetahuan umum. Permuafakatan Kuala Lumpur 1966 adalah hasil kesepaduan pendapat tentang konfrantasi Malaysia dengan Indonesia. Konfrantasi yang bermula tahun 1963 itu berakhir pada tahun 1966 setelah Permuafakatan Kuala Lumpur 1966 itu dicapai, jadi setahun selepas itu terbentuklah ASEAN.

Seiring dengan itu Indonesia menganggotai semula Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu setelah menarik diri dari pertubuhan dunia itu disebabkan oleh keadaan percaturan politik Jakarta-Phnom Penn-Hanoi-Beijing. Inilah lojiknya kita katakan politik diplomasi.

## Penglibatan

Penglibatan kita yang masih singkat baik dari segi masa mahupun kemampuan-kemampuan lainnya mendorong kita untuk merasa bangga. Dengan menganggotai ASEAN kita terasa selamat kerana letak negara kita begitu strategik, lagi pun kita memerlukan kedamaian serantau bagi menjamin kesejahteraan dan ketenteraman negara.

Dengan jumlah penduduk yang begitu sedikit dibandingkan dengan negara anggota lainnya, meskipun keluasan bumi kita lipatganda dari Singapura, kita dapat jua memainkan peranan secara perlahan-lahan tapi meyakinkan dalam pertubuhan regional ini apatah lagi dalam usia yang begitu ranum setelah mengambil alih semula tanggungjawab antarabangsa sebagai sebuah negara yang merdeka lagi penuh berdaulat, seminggu selepas itu Brunei Darussalam jadi negara anggota ASEAN yang keenam.

Brunei Darussalam menyertai sepenuhnya mesyuarat-mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian, Buruh, Persekitaran dan Tenaga, juga mesyuarat di Dublin dengan Menteri-Menteri Pasaran Bersama Eropah dan lain-lain lagi.

Penglibatan kita dalam persidangan atau permesyuaratan ini adalah bagi tambah mematangkan kita di samping mengambil manfaat hasil dari perundingan tersebut andainya ada suatu konsensus yang disepakati sebulat suara oleh ASEAN.

## Menjadi Tuan Rumah

Kesediaan kita untuk menjadi tuan rumah kepada mesyuarat-mesyuarat ASEAN membuktikan lagi keinginan kita untuk tambah meningkatkan pengalaman kita.

Pada 11-14 Februari 1985 kita telah menjadi tuan rumah mesyuarat pertama Kumpulan Kerja ASEAN mengenai rancangan perlindungan binatang peliharaan dan haiwan.

Pada 29 April — 3 Mei 1985 mesyuarat jawatankuasa pertama Jawatankuasa Sains Dan Teknologi telah diadakan di ibu kota. Pada 12 — 13 Mei pula kita mengendalikan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN dan pada 14 Mei diadakan pula Mesyuarat Kumpulan Kerja bagi ZOPEAN — kawasan aman, bebas dan berkecuali.

Pada 9 — 11 September yang baru lalu ini pula kita telah menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Jawatankuasa Penerangan dan Kebudayaan ASEAN bagi membincangkan persediaan simposium ASEAN Square Sculpture.

"Kesemua mesyuarat ini telah memberikan pegawai-pegawai kami pengalaman yang amat berharga dan dalam tahun 1986, kami akan menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri-Menteri Luar yang pertama bilamana Menteri-Menteri Luar ASEAN mengadakan mesyuaratnya di Bandar Seri Begawan," demikian antara lain sabda ucapan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN kali ke-18 yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 8 Julai 1985.

## Bidang Sosial dan Budaya

ASEAN telah banyak mencapai kemajuan terutama dalam bidang sosial dan kebudayaan. Ini terbukti dengan adanya kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Penerangan dan Kebudayaan ASEAN (COCI-ASEAN) atau melalui Jawatankuasa Kebudayaan Sosial (COSD-ASEAN) tetapi masih banyak ruang-ruang yang perlu ditingkatkan.

Kerananya COCI dan COSD menurut sabda Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, kitâ akan dapat menghurai dan menggabungkan projek-projek mereka menjadi sejumlah projek yang terpilih yang nanti memberi kesan yang lebih luas kepada masyarakat pada umumnya. Projek-projek ini hendaklah melibatkan orang-orang muda agar kita dapat menggunakan daya tenaga mereka serta menyalurkan pada perkara yang berfaedah.

Penekanan pada penglibatan belia dalam bidang sosial dan budaya ini adalah dengan kesedaran bahawa sudah ternampak gejala-gejala penagihan dadah di kalangan belia ASEAN, yang kalau tidak diperhatikan secara serius akan menjadikan satu masalah yang rumit. Masalah ini bukan lagi masalah regional malah sudah bersifat sejagat.

## Bidang ekonomi

Kerjasama ASEAN yang begitu kecil tapi yakin dalam bidang kerjasama ekonomi sepenuhnya telah membuahkan beberapa projek yang pada mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi bulan Februari di Kuala Lumpur yang baru lalu telah meluluskan beberapa projek usahasama industri ASEAN — AIJV (ASEAN Industrial Joint Venture).

Lagipun Deklarasi Bali Februari 1976 dan permuafakatan Kuala Lumpur 1977 mengemaskan lagi dorongan supaya kerjasama ekonomi ditingkatkan dengan cara setiap negara anggota menjalankan industrinya sendiri yang dibantu oleh pihak-pihak lain seperti Jepun memberi bantuan kepada industri urea di Acheh, sebagai salah satu projek AIP yang diungkayahkan oleh Indonesia. Malaysia juga diperuntukkan satu projek AIP yang sudah pun berfungsi di Bintulu.

Singapura keberatan untuk menjadi pemaju kepada projek mesin diesel, Thailand masih meraba-raba dalam pengendalian industri abu soda (ASEAN Rock Salt-Soda Ash Project) manakala khabarnya Filipina tidak meneruskan projek kilang tembaga ASEAN.

Brunei Darussalam belum punya satu projek AIP kerana baru saja memasuki ASEAN sedangkan rancangan projek AIP ini dilakukan jauh sebelum kita jadi pemerhati mesyuarat peringkat menteri-menteri luar ASEAN.

## Ekonomi Antarabangsa

Pergolakan ekonomi antara-bangsa menekan negara anggota ASEAN untuk lebih bersepadu, kerana pergolakan ini mahu tidak mahu menyulitkan asas-asas klasik kerjasama regional. Kepentingan-kepentingan nasional negara anggota kadang-kala tidak sejalan dengan kehendak serantau secara menyeluruh.

Lihat saja, jalur perdagangan dua hala begitu memberuntungkan kedua belah pihak. Perdagangan 'Trans-regional' seperti yang dilakukan oleh Singapura dengan Amerika Syarikat. Thailand dengan Pasaran Bersama Eropah atau perdagangan 'trans-regional' Indonesia dengan Jepun. Di sini nampak faedah ekonomi tidak dapat disisihkan dengan kepentingan politik.

Memang, negara anggota ASEAN memerlukan suatu bentuk keyakinan dari pemerintah atau golongan swasta terutama dari Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah Barat bagi melanjutkan pembangunannya. Dan kini kita maklum, kerana perdagangan 'tran-regional' ditingkatkan tanpa ambil kira secara maksima keperluan 'intra-regional.

## Bidang Politik

Brunei Darussalam pernah melafazkan kecaman atas pertelingkahan di antara tentera Vietnam dan Thai disebabkan oleh kemasukan tentera Kampuchea ke wilayah Thai, dan hal ini diulang sekali lagi agar Vietnam menghormati kewujudan wilayah Thailand serta menghentikan serangan selanjutnya, kerana pelanggaran serupa ini bertentangan dengan aspek tatatertib dan tingkah laku antarabangsa yang setentunya meningkatkan ketegangan di rantau ini. Kita mahukan suatu keadaan yang baik bagi mengembalikan Kampuchea kepada kedudukannya yang asal, merdeka dan berkecuali serta membolehkan rakyat Kampuchea menyelesaikan masa depan mereka.

Brunei Darussalam juga mengambil perhatian yang berat terhadap pengkalan tentera laut dan udara Soviet di Vietnam kerana ini akan mengancam usaha ASEAN yang menggalakkan kawasan Asia Tenggara sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali. Demikian jua halnya dengan rundingan kawalan senjata antara Amerika Syarikat dengan Soviet, Brunei Darussalam berharap agar dua kuasa terbesar ini akan dapat mencari jalan bijaksana demi keamanan dunia.

Kesengsaraan di Afghanistan begitu membimbangkan dan Brunei Darussalam bersama dengan ASEAN tetap dengan pegangannya bahawa campur-tangan luar terhadap negara berdaulat tidak dapat dimaafkan dan kita sama menyokong seruan sejagat bagi pengunduran semua tentera asing dari negara itu. Biarlah rakyat Afghanistan menentukan nasib mereka.

Brunei Darussalam juga terkilan dengan pertikaian antara Iran dengan Iraq, perang saudara di Lebanon, masalah Namibia serta dasar apartheid Afrika Selatan.

## Keadaan Harmoni

Dalam kesungguhan kita menilai politik antarabangsa yang begitu bergolak dan lain-lain, Menteri Hal Ehwal Luar negeri kita bersabda, "Kami di ASEAN berjaya menjalinkan hubungan yang erat dan sihat berasaskan kepercayaan dan keyakinan. Adalah menjadi harapan saya dan juga rakyat Brunei Darussalam bahawa keadaan harmoni dan saling memahami yang wujud di kalangan kita akan terus berkekalan."



PARA wakil Negara-negara Dialog yang mengadakan persidangan dengan Menteri-Menteri ASEAN yang diadakan di Jakarta, pada 12 dan 13 Julai tahun lepas.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turun dari pesawat kapal terbang ketika Baginda berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Nassau, Bahamas (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat menghadiri jamuan tengah hari yang dipersembahkan oleh YAB Perdana Menteri Australia, Tuan Robert J.L Hawke (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra dengan salah seorang ketua negara Pertubuhan Komanwel (bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri majlis jamuan makan malam yang dipersembahkan oleh YAB Perdana Menteri Bahamas, Sir Lynden Pindling.

# SEKITAR MESY
# KOMANWEL




SUASANA ini dirakamkan di Pembukaan rasmi Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang

Laporan Jaafar Hj. Ibrahim
Gambar-gambar oleh : Ak Bahar PH

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat menghadiri kemuncak Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang berlangsung di Nassau, Bahamas dari 16 — 22 Oktober yang lalu.

Kemuncak Mesyuarat CHOGM kali ke-25 itu disertai oleh sejumlah 47 buah negara-negara Pertubuhan Komanwel.

Ini adalah kali pertama Negara Brunei Darussalam menghadiri mesyuarat sedemikian apabila Brunei diterima menjadi ahli ke-49 Pertubuhan Komanwel selepas mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984.

Kehadiran Negara Brunei Darussalam dalam pertubuhan tersebut telah mendapat sambutan baik di kalangan pemimpin negara-negara Komanwel.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di mesyuarat itu telah diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

## BERTITAH

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di mesyuarat itu telah juga berkenan mengurniakan titah pada 21 Oktober yang lalu.

Di samping menghadiri mesyuarat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan berangkat menghadiri majlis persantapan yang diberikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II. Majlis Persantapan itu berlangsung di Kapal H.M. Yacht Britannia di Pelabuhan Prince George.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berkenan pula berangkat menghadiri jamuan makan malam yang dipersembahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Bahamas, Sir Lynden Pindling pada hari Rabu 17 Oktober. Jamuan makan malam itu berlangsung di Hotel Diraja Bahamian.

## MENERIMA MENGADAP

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berada di sana juga berkenan menerima mengadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Singapura Tuan Lee Kuan Yew.

Kedua-dua istiadat mengadap itu berlangsung di Hotel Cable Beach.

Yang Amat Berhormat di istiadat mengadap itu diiringi oleh Yang Berhormat Tengku Ahmad Rithaudeen, Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri Malaysia; Tuan Yang Terutama Tan Sri Zainal Abidin Sulung,

# ARAT KETUA-KETUA KERAJAAN HOGM) DI NASSAU BAHAMAS



eatre, Cable Beach Hotel.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Dr. Mahathir Mohammad (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew (gambar kanan atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri majlis jamuan makan tengah hari yang dipersembahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Australia, Tuan Robert J.L. Hawke bertempat di Cable Beach Hotel pada 21 Oktober. (Gambar kanan).

ausaha Kementerian Hal Ehwal geri Malaysia; Tuan Yang Datuk M.H. Kassim, Pesuruh- Malaysia ke United Kingdom ain pegawai Kementerian Hal- Negeri Malaysia.

dir di istiadat itu termasuklah Mulia Pengiran Laila Kanun giran Bahrin bin Pengiran Haji teri Undang-Undang merangkap erhubungan; Yang Dimuliakan g Kaya Laila Setia Bakti Diraja Utama Awang Haji Isa, Amum Kebawah Duli Yang Maha Dato Paduka Awang Haji Haji Munap, Setiausaha Tetap rdana Menteri.

Duli Yang Maha Mulia Paduka a Sultan dan Yang Di-Pertuan runei Darussalam berkenan menghadiri jamuan tengah hari rsembahkan oleh Yang Amat Tuan Robert J.L. Hawke, Per- ri Australia.

ir di majlis jamuan tengah hari kiah Duli Yang Teramat Mulia oulo, Menteri Hal-Ehwal Luar Menteri Pertahanan Tonga; Berhormat Perdana Menteri Fi- Kamisese K.T. Mara; Tuan ama Tuan Ieremia T. Tabai, ribati; Yang Amat Berhormat nteri New Zealand, Tuan David ng Amat Berhormat Perdana pua New Guinea, Tuan Michael ng Amat Berhormat Sir Peter Perdana Menteri Kepulauan n Yang Amat Berhormat Father aye Lini, Perdana Menteri



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra dengan salah seorang Menteri Kabinet Kerajaan Bahamas sebelum Baginda berangkat pulang bertempat di Lapangan Terbang Antarabangsa Nassau, Bahamas.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat menuju ke Rythm Theatre bagi menghadiri pembukaan rasmi Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM).

# rtb / intisari minggu ini

## *Radio Minggu Ini:*

# ORANG RADIO DAN PENERANGAN

SEBAGAI kakitangan radio, perkara penting yang harus dilaksanakan ialah untuk memenuhi tugas yang memang sudah termaktub dalam perjanjian pekerjaan untuk menjadi pembekal penerangan dan juga pemberitahu mengenai apa juga yang difikirkan perlu untuk pengetahuan orang ramai.

Kerana tugas yang seumpama itu, ada pula yang menaruh tanggapan yang salah terhadap mereka. Seolah-olah mereka inilah orang yang serba tahu; serba boleh. Pendapat ini nampaknya berdiri dengan lebih konkrit lagi dalam fikiran mereka, bila orang radio tadi kedengaran bercakap seperti seorang ahli ekonomi bila mengkeudarakan sebuah rancangan yang ada kaitannya dengan pembangunan ekonomi negara. Beberapa jam kemudian, kedengaran pula orang radio yang sama bercakap tentang hal-ehwal sejarah. Bercakap mengenainya juga kedengaran tanpa cacat-celanya, hinggakan kemungkinan ada yang menyangka dia seorang ahli sejarah.

Memikirkan ini, ada orang yang bulat-bulat menyangka yang keperluan untuk menjadi orang radio itu semestinyalah orang yang mempunyai sifat serba boleh dalam segala hal ataupun orang yang tahu dalam serba-serbi.

Terhadap prasangka ini, kami merasa perlu untuk membuat 'corrections', atau pembetulan sedikit. Sebenarnya kakitangan rancangan-rancangan radio adalah juga orang-orang seperti masyarakat lain yang berkhidmat di sebuah Jabatan Kerajaan yang bertugas bagi melaksanakan daya penyiaran dan penerangan setiap hari kepada orang ramai. Apa jua rancangan yang berbentuk penerangan yang diterbitkan dan disiarkan melalui udara adalah bahan-bahan yang tidak mungkin akan dapat diperolehi tanpa kerjasama dari pihak-pihak yang berkenaan — iaitulah pihak yang lebih arif dan bertanggungjawab dalam perkara-perkara yang tertentu.

Sebagai memenuhi tugas mereka, terpaksalah mereka selalu mengambil sikap 'pedulian', dalam berbagai bidang. Tapi bolehkah mereka melaksanakannya sekiranya tidak mendapat kerjasama dari orang-orang yang lebih tahu? Di sinilah pihak radio selalu meminta dan menyeru agar orang-orang yang mahir dalam satu-satu bidang atau jurusan itu akan bersuara demi untuk membantu lahirnya penerangan melalui radio yang diperlukan untuk orang ramai.

Syukur Alhamdulillah! Kami memang merasa berbangga kerana selama ini mendapat kerjasama dari pihak-pihak yang berkenaan dalam berbagai bidang bagi membolehkan kami memperolehi penerangan yang diharap-harapkan untuk diadunkan menjadi bahan-bahan siaran. Dengan adanya kerjasama itu, dengan sendirinya tenaga penyiaran kita akan dapat berjalan dengan pesatnya.



MINGGU ini awda akan dapat berkenalan lebih dekat lagi dengan Dayang Zainah Hj Othman (atas), finalist Mutika '85. Temubual Hasnan Suhaili bersama beliau akan disiarkan pada hari Ahad 10 November jam 4.30 petang.

## *PERTANDINGAN AKHIR ASLIRAMA 85*

SATU lagi projek tahunan Radio Televisyen Brunei akan berakhir penghujung minggu ini. Pada hari Sabtu depan, 9 November, Pertandingan Akhir Aslirama 1985 akan dilangsungkan di Dewan Raya RTB. Pertandingan ini akan disiarkan secara langsung mulai kira-kira jam 8.30 malam.

Mereka yang telah terpilih untuk mengadu nasib ke peringkat akhir pada malam itu adalah terdiri dari:

1. Norsiah Haji Abdul Hamid
2. Serudin Kambar
3. Dk. Jamillah Pg Hj. Metarsat
4. Md. Jaafar Abdul Wahab
5. Zulkifly Tengah
6. Latif Momin
7. Haji Abu Bakar Haji Paun
8. Samat Yusof
9. Moris Lynn
10. Isa Haji Tuah

Artis undangan di pertandingan akhir itu nanti ialah penyanyi terkenal dengan gelaran raja gelek Malaysia, iaitu M. Daud Kilau.



Norsiah Hj Abd Hamid



Serudin Kambar



Dk Jamillah



Md Jaafar Abd Wahab



Zulkifly Tengah



Latif Momin



Haji Abu Bakar



Samat Yusof



Moris Lynn



Isa Haji Tuah



M. Daud Kilau

## *Sandiwara Radio: NASIHAT*

DENGAN tulisan karya Sani A. B. Brunei, minggu ini bahagian Melayu Radio mempersembahkan lagi sebuah Sandiwara Radio yang berjudul NASIHAT.

Dalam cerita yang mengemukakan mesej bertanggungjawab dalam menjalankan tugas ini, penulis mengetengahkan watak Kadir dan Noraini selaku watak-watak utamanya. Mereka berdua ini telah sekian lama tidak bertemu dan kemudiannya bersua kembali dalam keadaan yang tidak dirancangkan.

Kadir yang berkhidmat sebagai pegawai rendah perkhidmatan letrik, dengan tidak sengaja bertemu Noraini semula bila ia diarahkan untuk memeriksa kedudukan sambungan talian letrik di rumah Haji Beringin. Kawan sekerja Kadir ternyata tidak berani menghampiri rumah itu setelah beberapa kali dihalau oleh Haji Beringin sendiri. Dia memang terkenal garang lebih-lebih lagi dia adalah ketua di kampung itu.

Walaupun begitu, Kadir dapat pula bertahan lama di rumah itu dan sempat berbual-bual dengan Noraini. Perkara ini sangat menghairankan Yusuf. Dalam perbualan itu, mereka mengingatkan kembali segala cita-cita masing-masing ketika di sekolah dulu. Noraini selalu mengangan-angankan untuk menjadi pemimpin pada satu-satu pertubuhan sementara Kadir pula menginginkan untuk menjadi seorang jurutera.

Biarpun gagal di bidang pelajaran, Noraini berjaya juga mencapai hasratnya dengan menjadi pemimpin kepada pertubuhan wanita yang ditubuhkan di kampungnya sendiri. Sementara Kadir pula hanya berjaya menjadi seorang pegawai rendah perkhidmatan letrik.

Dalam masa Noraini dan Kadir berbual-bual, tiba-tiba muncul ayah Noraini. Tentu saja ia menaruh sangkaan yang buruk terhadap Kadir. Bagaimanakah Kadir menghadapi keadaan itu seterusnya? Untuk mengetahuinya, ikutilah siarannya pada 10 November, 1985 jam 11.15 pagi.

Rancangan ini adalah terbitan Salmah Haji Abd. Rahman.

# PESTA NYANYIAN ASEAN

ASEAN SONG FESTIVAL Kelima akan berlangsung di Jakarta, Republik Indonesia pada hari Jumaat, 8 November, 1985 dan akan disertai oleh kesemua negara-negara ASEAN. Radio Televisyen Brunei akan menyiarkan secara langsung bermula kira-kira jam 8.30 malam.

Setiap negara akan menghantar dua orang penyanyi dan dua orang pencipta /penggubah /'music arranger'.

Setiap negara akan mempersembahkan dua buah lagu ciptaan dan popular di negara masing-masing dan sebuah lagu tradisional.

Dalam waktu yang sama juga akan dilangsungkan CLINIC WORKSHOP bagi penggubah lagu/'music arranger' yang bertujuan bagi merapatkan lagi perhubungan penggubah-penggubah lagu serantau selain dari mendalami pengetahuan mereka dalam bidang lagu-lagu tradisi masing-masing.

Dalam hubungan ini Negara Brunei Darussalam akan menghantar dua orang penyanyi dan dua orang penggubah lagu.

Mereka ialah TUMINAM TIMBANG — JUARA MUTIKA 1985 dan RASIAH ANNUAR — NAIB JUARA BINTANG REMAJA 1984.

Sementara kedua-dua penggubah lagu adalah terdiri dari SHARI AWANG BESAR dan HASHIM HAJI ABDUL WAHAB.



Tuminam Timbang



Rasiah Annuar



Shari Awang Besar



Hashim Hj Abd Wahab



GAMBAR atas memperlihatkan kumpulan hadrah seramai 32 orang dari Sekolah Menengah Awang Semaun yang turut sama-sama mengalu-alukan ketibaan rombongan Kapal Belia Asia Tenggara ke negara ini minggu lalu. Laporan lanjut mengenai dengan rombongan Kapal Belia itu disiarkan di muka 6 keluaran minggu ini

## PERADUAN NYANYIAN TALENTIME 1985

SERAMAI enam orang peserta lagi akan beradu kebolehan dalam pertandingan peringkat awal siri ke-6 yang akan disiarkan melalui perkhidmatan Inggeris, RTB pada hari Ahad akan datang 10 November, 1985 jam 11.00 pagi. Ulangannya akan dapat awda ikuti pada hari yang sama pada jam 8.00 malam.

Mereka ialah Kartini Abdul Wahab, Jofery Haji Abdul Rahman, Dk Siti Zaileha P.H.M., Hasnan Haji Metussin, Rosidiah Idris dan Lokman Haji Mohd Yussof.

Dalam pada itu mereka yang namanya tersebut di bawah dikehendaki hadir di Studio 'A' RTB, Bandar Seri Begawan pada hari Ahad 10 November, jam 1.30 tengah hari:

Mereka ialah :

Ted Wong, Zainab Julaihi, Yusof Haji Abdul Kadir, Rosnah Adnan, Bahrin Haji Abu Bakar, Zuriana Kepli, Teo Seh Chien, Hjh Suria Haji Manggong, Jofery Haji A Rahman, Mohd Yusof Hj Bagol, Amili Haji Mohd Yussof, Marhana Haji Abdullah, Sarimah Suhaily, Ak Yusof Pg Haji Damit, Dk Seri Puspita, Dk Noreleha Pg Mahari, Musa Mohd Daud, Aspar bin Damit, Ronnie Ang, Rostina Mohd Hussein, Amir Mohd Safar, Aini Hj Tahir, Jazmeen M Ali Nordin, Yaman Haji Daud, Norhayati Mohd Noor, Zulkifli Haji Butir, Abdullah Haji Tahir, Haji Mahmud Masron, Salmiah Hj Hasbollah dan Adnan Hj Bagol.

## RANCANGAN TVP DARI 11 NOVEMBER HINGGA 13 NOVEMBER 1985

**ISNIN**
**11 NOVEMBER**

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN KUNTUM SENI 14

9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (Days of The Week)

Dalam rancangan ini Gani mengajar Jay Jay dan kawan-kawan nama-nama hari dalam satu minggu. Di Magic Pool Gani dan Jay Jay nampak perkataan yang bermula dengan huruf 'L'. Bila mereka balik dari Magic Pool mereka berjumpa Owl, di sini Owl bercerita berkenaan dengan 'Budak Yang Jujur'.

10.05 ONCE UPON A TIME ...... 27 (The Eagle And The Snail)

Pada suatu hari ketika helang terbang di tepi sebuah sungai, helang ternampak seekor siput lalu menghampirinya sambil berkata dengan sombong. Apabila siput mendengar kata-kata helang itu lalu siput pun mengajak helang berlumba. Cadangan siput itu telah dipersetujui oleh helang dengan megah dan senang hati.

Sipakah yang berjaya dalam perlumbaan itu ? Sama-samalah kita ikuti rancangan ini nanti.

10.35 ALAM PERMAI 6 (Kampung)

Meninjau keadaan Kampong Serasa, kemudahan yang terdapat di kampung tersebut seperti paip air, elektrik, kedai, telefon, jalan raya, balai raya, masjid, sekolah, klinik dan sebagainya. Orang-orang di kampung itu juga ada memelihara binatang ternakan seperti lambu, kambing, kerbau dan berkebun sayur, menangkap ikan dan sebagainya. Sila ikuti kisah selanjutnya dalam rancangan ini nanti.

**SELASA**
**12 NOVEMBER**
**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN KUNTUM SENI 15

9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (January-June)

Rancangan ini mengajar murid-murid nama-nama bulan dalam bahasa Inggeris. Beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'M' juga akan dinampakkan di Magic Pool.

Sebuah lagu akan dinyanyikan bersama Jay Jay dan Izat.

10.05 ONCE UPON A TIME ...... 28 (The Fox And The Stroke)

Dalam rancangan ini mengisahkan musang dengan bangau. Di mana suatu hari sedang musang memakan kambing yang telah dibunuhnya, sebatang tulang telah tersangkut di lehernya. Kebetulan seekor burung bangau sedang terbang lalu mendekati musang yang sedang kesakitan.

Apakah yang terjadi seterusnya, untuk mengetahui ikutilah rancangan ini.

10.35 SIARAN ULANGAN ALAM PERMAI 6 (Kampung)

**RABU**
**13 NOVEMBER**
**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN KUNTUM SENI 16

9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (July-December)

Siri ini mengajar caracara menyebut bulan July hingga December dan diisikan sebuah lagu mengenai bulan-bulan January hingga December.

Di Magic Pool Gani dan Jay Jay nampak perkataan-perkataan yang bermula dengan huruf 'N'. Rancangan diakhiri dengan sebuah cerita mengenai tiga orang budak nakal.

10.05 ONCE UPON A TIME ...... 29 (A Helping Hand)

Kisah persahabatan antara dua ekor binatang. Suatu hari Tupai jatuh sakit. Ia minta ikan Toman mencarikan telur ayam sebagai ubatnya. Dengan bersusah payah akhirnya ikan Toman dapat mencarikan tupai telur ayam. Pada hari yang lain ikan Toman pula jatuh sakit dan ingin makan hati buaya. Dapatkah tupai menolong mencarinya? Sama-samalah kita ikuti rancangan ini nanti.

10.35 SIARAN ULANGAN ALAM PERMAI 6 (Kampung).

**Mari Memasak:**

## *UDANG GALAH BERINTI*

BAHAN-BAHANNYA :

6 ekor udang galah
1 biji sengkuang
5 keping cendawan hitam
1 ikat daun sop dan daun bawang
8 auns isi ikan tenggiri yang dicincang.

UNTUK PERENCAH :

1 biji telor ayam
½ cawan minyak bijan
¼ camca lada sulah
1 sudu tepung jagung
sedikit garam dan serbuk perasa.

UNTUK SOSNYA :

2 sudu besar tomato sos dan sos lada
1 camca sos Lee Perrins
1½ camca gula
3 sudu air

semua dicampur dan tuang ke dalam udang.

CARA-CARA MEMBUATNYA :

Udang dibelah dua. Keluarkan isinya kemudian cincang halus dan kulitnya disimpan. Sengkuang dan cendawan dihiris nipis. Daun sop dan daun bawang dihiris halus. Masukkan udang dan ikan tadi ke dalam mangkuk dan campurkan bahan-bahan tadi. Gaulkan rata-rata dan masukkan bahan-bahan ini ke dalam kulit udang tadi. Panaskan minyak dan goreng udang itu hingga masak dan garing. Masukkan bahan sos dan masak hingga pekat dan angkat.



TAYANGAN "Pilot" malam ini mengenalkan siri HALF NELSON, sebuah rancangan baru bercorak detektif bermula kira-kira 10.05 malam menggantikan rancangan Critical List. Pengenalan dari kiri (belakang) Victoria Jackson, Fred Williamson

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 6 NOVEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 RAGDOLLY ANNA
5.00 EXPEDITION TO THE ANIMAL KINGDOM
5.30 FAMILY TIES: "Return of The Native"
6.00 BERITA AWAL
6.05 INSPECTOR GADGET
6.07 AZAN MAGHRIB
6.12 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.12 INSPECTOR GADGET — sambungan
6.30 SILVER SPOONS
Keinginan Ricky untuk melegakan sesuatu yang bertentangan menimbulkan akibat yang terpaksa diterimanya.

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE A TEAM: "A Cup A Joe"
7.22 AZAN ISYAK
7.26 THE A TEAM — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 RENCANA TEMPATAN
9.35 THREE'S COMPANY: "Eyewitness Blues"
Sebuah kedai bunga telah ditawan oleh seorang bertopeng dan bertattoo. Polis minta Jack mengenal muka penyamun itu. Seorang pegawai polis kawan Janet pula mempunyai tattoo yang sama. Ini mengelirukan Mr Furley yang segera bertindak.
10.05 HALF NELSON (Pilot) Bhg. I
Rocky Nelson ialah seorang detektif yang cekep dari New York yang telah berkunjung ke Hollywood untuk berlakon sebagai dan mengenai dirinya tetapi telah ditolak kerana kependekannya. Dia memutuskan untuk tinggal dan mengadu nasibnya di Hollywood.
11.00 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 7 NOVEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 WORDS AND PICTURES
5.45 WORLD ALIVE: "Wonderland Of Birds"
Mempaparkan kehidupan sebahagian dari 1000 jenis burung yang terdapat di Amerika Selatan termasuk juga yang terkecil seperti hummingbird.
6.00 BERITA AWAL
6.05 WORLD ALIVE — sambungan
6.07 AZAN MAGHRIB
6.12 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.17 FILMTEL CARTOONS
6.30 FRAGGLE ROCK: "Wembley And The Mean Genie"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FINDER OF LOST LOVES: "Mr Wonderful"
Seorang hakim yang berpengaruh mengupah Cary untuk mencari kawan lama tunangnya yang dipercayai sebagai lelaki yang lebih dicintainya. Daisy menimbang perasaan kawan lamanya yang telah menimbulkan kesulitan kepadanya mencari wanita yang hendak dikahwininya.
7.22 AZAN ISYAK
7.26 FINDER OF LOST LOVES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 CRAZY LIKE A FOX: "The Geronimo Machine"
10.00 THE MORECAMBE AND WISE SHOW
11.00 TAYANGAN GAMBAR: "The Connection"
12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 8 NOVEMBER

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.30 HIDAYAT (Ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.50 HIDAYAT — sambungan

**PETANG**

1.00 STORYBREAK
1.30 WORLD ATHLETICS — Canberra
2.15 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE: "Teela's Trail"
2.40 TOMORROW'S WORLD
3.00 MIANI MIATU
3.15 MR. BELVEDERE
3.28 AZAN ASAR
3.32 MR. BELVEDERE — sambungan
3.45 PESTA SUKAN MERDEKA
4.40 EDISON TWINS
5.20 THE WONDERFUL WORLD OF PLANT: "Flower Love"
Bunga dengan peranannya yang penting untuk meneruskan keturunan pokok.
5.50 EXPERIMENT: BIOLOGY — "Electron Microscopy"
6.00 BERITA AWAL
6.05 EXPERIMENT: BIOLOGY — sambungan
6.07 AZAN MAGHRIB
6.12 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.17 EXPERIMENT: BIOLOGY — sambungan
6.30 KUIZ KATA

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 AIRWOLF: "Firestorm"
Setelah Dominic cedera, Hakwe terpaksa berkerjasama dengan seorang bekas penerbang yang alkoholic untuk menghalang seorang general (bersara) dari melancarkan satu serangan nuclear missile terhadap Moscow.
7.22 AZAN ISYAK
7.26 AIRWOLF — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
8.30 FIFTH ASEAN SONG FESTIVAL (Siaran Langsung Dari Jakarta)
10.50 KNOTS LANDING: "Love Take You Home"
11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 9 NOVEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 DANGER MOUSE
6.00 BERITA AWAL
6.05 CHILDREN OF THE DOG STAR: "Alien Contact" (terakhir)
Gretchen, Ronney dan Bevis bertelingkah mengenai kuasa ghaib dan kekhuatiran mereka terhadap bahaya yang boleh menimpa. Gretchen dan Ronny ingin hendak bertindak tetapi Bevis menghalang mereka sehingga menimbulkan konfrantasi dengan ketua-ketua kuasa asing.
6.07 AZAN MAGHRIB
6.12 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.17 CHILDREN OF THE DOG STAR — sambungan
6.30 CANDID CAMERA

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON: "Who Killed The Sixties?"
7.22 AZAN ISYAK
7.26 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 PERTANDINGAN BINTANG ASLI-RAMA PERINGKAT AKHIR (Siaran Langsung Dari Dewan Raya)
11.25 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Apanya Dong"
12.45 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 10 NOVEMBER

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.07 SUSUNAN RANCANGAN
12.10 AZAN ZUHUR
12.15 ITALIAN SOCCER 1985/1986 SEASON

**PETANG**

1.10 TAYANGAN GAMBAR: "Firebird 2015 A.D."
2.40 CHALLENGE OF THE GOBOTS
3.10 SHE RA, THE PRINCESS OF POWER
3.28 AZAN ASAR
3.32 BENSON: "Reunion"
4.10 TRAPPER JOHN M.D.: "All For Me"
5.00 WINNERS — DOWN UNDER: "Quest Beyond Time"
Siri baru drama untuk seluruh keluarga. Episod minggu ini ialah kisah fantasy pengembaraan Mike, seorang muda yang suka terbang dengan hang-glidingnya. Satu hari sedang Mike terbang seperti biasa, dengan seketika dia telah hilang dan sampai ke suatu suasana 1000 tahun ke hadapan. Mike menghadapi problem sehingga dia terasa kembali ke masa asalnya.
6.00 BERITA AWAL
6.05 321 CONTACT: "Measurement/Wednesday"
6.07 AZAN MAGHRIB
6.12 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.17 321 CONTACT — sambungan
6.30 SMALL WONDER: "The Neighbours"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 STREET HAWK: "Unsinkable 453"
Jesse mempunyai tugas untuk menangkap seorang penjenayah dan ahli askar upahan yang telah melepaskan diri. Dia ada hubungan dengan sekumpulan kuasa yang mempunyai kepentingan membelanjai kaum pengganas.
7.22 AZAN ISYAK
7..26 STREET HAWK — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 POTRET PENYANYI/HIBURAN
9.25 ABOUT MAN: Farmers-Citywelders
9.50 WHO'S THE BOSS?
10.20 ELLIS ISLAND
11.20 TALES OF THE UNEXPECTED: "Scrimbshaw"
Terlantar di sebuah pulau tropika sungguh mendukacitakan kepada Brenda. Tetapi dia telah bertemu dengan seorang kenalan lamanya Erik yang telah memberi segala bantuan kepadanya. Apakah tersembunyi di sebalik kemurahan hati Erik itu?
11.20 ELLIS ISLAND
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 11 NOVEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SMURFS: "Will Power Smurfs"
5.00 COLUMBIAN RHAPSODIES
5.30 DOCUMENTARY: THE LAST ARK Bhg. I
6.00 BERITA AWAL
6.05 IN SEARCH OF THE PAST:
6.07 AZAN MAGHRIB
6.12 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.17 IN SEARCH OF THE PAST — sambungan
6.30 MAT YO YO

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MATT HOUSTON: "Apostle of Death"
7.22 AZAN ISYAK
7.26 MATT HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK: "Udang Galah Berinti"
Resipinya ada dimuatkan di muka lain akhbar ini.
9.50 GIVE US A CLUE
10.20 DOCUMENTARY: "Iceland Breakthrough"
11.10 FALCON CREST: "Just For All"
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 12 NOVEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ALPHABET ZOO (terakhir)
5.00 AMATEUR NATURALIST: "Cost of High Living"
5.30 THE LITTLES
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.07 AZAN MAGHRIB
6.12 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.17 THAT'S INCREDIBLE — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY: "Stranger Than Fiction"
Colt dihantar ke Florida Everglades untuk menangkap seorang penulis wanita yang telah mencabul jaminan setelah membuat "affair" sambil membuat rakaman perbualan mereka untuk dijadikan bahan bukunya.
7.22 AZAN ISYAK
7.26 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.30 SERBANEKA
10.00 MIAMI VICE: "Hit List"
11.00 POT BLACK 1985
11.45 SIARAN TAMAT.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Siaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio (kecuali hari Jumaat dan siaran asal dan ulangan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 6.45 | Aqidah dan Rohani. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.45 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU
## 6 NOVEMBER

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Asli.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Hiburan, 4.00 — Suara Kugiran (SU), 4.30 — Ruangan Katani, 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.30 — Senandung Malam.

## HARI KHAMIS
## 7 NOVEMBER

PAGI: 9.00 — Lagu-lagu Dari Kaset, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Ronggeng Tanahair (SU), 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama.

PETANG: 2.00 — Hiburan, 2.30 — Muzika Tanhair (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Drama Dari Novel, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Berirama Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

## HARI JUMAAT
## 8 NOVEMBER

PAGI: 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Muzika Tanahair, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Pribua Asitama, Peringkat Separuh Akhir, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Pedoman Hidup, 12.30 — Bacaan Al-Quran, 12.45 — Azan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.00 — Majalah Ugama (SU), 1.45 — Lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Keluarga Si Awang, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Dendang Si Alai, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Penyanyi Harapan, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Hiburan Malam, 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Cerpen dan Salukan.

## HARI SABTU
## 9 NOVEMBER

PAGI: 9.00 — Mingguan Pelajar (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Dendang Si Alai (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampasan.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Asli (SU).

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Cerpen dan Salukan (SU), 4.00 — Hiburan, 4.15 — Soalan Di Udara (SU), 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Penyanyi Harapan (SU), 8.45 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.15 — Permintaan Malam Minggu.

## HARI AHAD
## 10 NOVEMBER

PAGI: 9.00 — Tamán Mekar, 9.30 — Pesta Pop, 10.15 — Majalah Perdana (SU), 11.00 — Ronggeng Tanahair, 11.15 — Sandiwara Radio.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah Dan Ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00 — Hiburan, 2.30 — Serbanika Hiburan, 3.15 — Titian Budaya, 3.00 — Juara Kugiran, 4.00 — Hiburan, 4.30 — 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

## HARI ISNIN
## 11 NOVEMBER

PAGI: 9.00 — Sains Dan Perusahaan, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Dunia Wanita (SU), 11.00 — Sukmaria.

TENGAH HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin.

PETANG: 2.30 — Keluarga Si Awang (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Bangsawan Di Udara, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 — Majalah Sukan (SU), 8.45 — Kuliah Ugama (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan (SU), 9.30 — Kutujukan Lagu.

## HARI SELASA
## 12 NOVEMBER

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.00 — Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan.

PETANG: 2.00 — Kusampaikan Salam, 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Hiburan Gema Silam, 3.15 — Seni Dan Sastera (SU), 3.30 — Sukmaria (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Hiburan Selingan, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Tinjauan (SU), 9.30 — Permintaan Sukaramai.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### WEDNESDAY

P.M.

8.00 Hello Tomorrow

8.30 Discovering Music: Ravel the Orchestra 59/65.

9.00 Perspective — 40.

9.30 Talking About Music — 281/314.

### THURSDAY

P.M.

8.00 International Money Programme

8.15 Sixty-Minute Theatre: Williams Barton's Dream by Michael Campbell.

9.30 Australian Jazz — 2/13.

### FRIDAYS/HOLIDAYS

A.M.

11.00 A Religious Talk: Women In Islam — 12/13.

11.15 Light Music From The Netherlands — 726.

11.30 Children's Half Hour

NOON

12.00 19th Cambridge Folk Festival: Steel Skies — 1/12.

P.M.

12.45 My Music — 375/436.

1.15 Book Club: The Picture of Dorian Gary — 4/10. by Oscar Wilde.

1.30 Just for variety by duty announcer.

2.15 The Arts World Wide — 7/16 (repeat)

2.45 Fifteen-Minute Theatre: Only Yesterday by John Sasson

3.00 Calling On You

4.00 Chinese Programmes.

8.00 Religious Talk: Women In Islam (repeat)

8.15 The World of Books.

8.45 Thirty-Minute Theatre: A Personal Problem by Ann Francis.

9.30 It's All Yours produced by Ak Hishamuddin (repeat)

### SATURDAY

P.M.

8.00 Melody Time.

8.30 Animal, Vegetable Or Mineral — 47/46.

9.00 Interlude of Music featuring the album "Rising" by Mezzoforte RB/F/356/315.

9.30 Top of The Pops — 1093.

### SUNDAY

A.M.

11.00 Talentime Singing Contest 1985 — (Preliminary Round 6).

11.30 Legal, Decent, Honest and Truthful — A comedy series about the follies and excesses of advertising in which the participant try to prove that happiness is a career in advertising — 4/6.

NOON

12.00 ABU Radio Festival of Folk Music — 4.

P.M.

12.45 Brunei Darussalam This Week by Iderıs Ali.

1.00 Top of The Pops — 1093 (repeat)

1.30 Weekend Greetings by Charan Kumar

2.30 Just for variety by duty announcer.

3.30 Its All Yours produced by Ak Hishamuddin

4.00 Chinese programmes.

8.00 Talentime Singing Contest 1985 (Preliminary Round 5) (repeat).

8.30 BBC Science Magazine.

9.00 Beautiful Music — 22/60

9.30 Old-Time Favourites by Charan Kumar — 10/12.

### MONDAY

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: Traitor by Dennis Potter.

8.45 The Arts Worldwide with Charan Kumar — 7/16.

9.30 Top Tunes with Midland Radio Orchestra — 13/18.

### TUESDAY

P.M.

8.00 Just For You by Jaafar Yaakob.

9.00 In Sentimental Mood

9.30 Stereo Pop Special: Orchestra Manoeuvres In The Dark side 2.

### DAILY

A.M.

6.29 Jingle

6.30 Allah Peliharakan Sultan

6.32 Quran and It's Translation

6.45 Berita Perdana (relayed from the Malay Service)

7.00 Brunei's AM Weather Forecast, Brunei Darussalam In Reminiscence.

7.35 Tide Times presented by Azizah Abdullah

7.36 Brunei's Am (continued)

8.30 Chinese Programmes.

11.00 Ladies at Eleven except Friday and Sundays.

NOON

12.00 Lunch Break except Friday and Sundays.

P.M.

12.45 Lunch Break (continued) Weather Forecast Brunei Darussalam In Reminiscence (repeat)

2.00 Close for morning transmission on Fridays and Sundays.

4.00 Close for morning transmission of Fridays and Sundays.

9.15 News.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di Dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI PERHUTANAN :

(Di Jabatan Perhutanan, Kementerian Pembangunan) (Bil : 123/1985 — 1).

**Tanggagaji :** B.2 atau B.2 EB. 3 — \$2270-\$3760 atau \$2270-\$4240 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) i) Pemohon mestilah mempunyai ijazah atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya dari mana-mana pusat pengajian yang diiktiraf dalam bidang perhutanan atau mana-mana bidang yang bersesuaian. Keutamaan akan diberi kepada mereka yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam 'silviculture,' penyelidikan dengan perhutanan.

ATAU

ii) Pemohon mestilah mempunyai kelulusan Diploma Tinggi Kebangsaan BTEC (BTEC Higher National Diploma) dalam bidang perhutanan atau mana-mana bidang yang bersesuaian serta telah dan sedang berkhidmat di Jabatan Perhutanan sekurang-kurangnya 5 tahun sebagai Penolong Pegawai Perhutanan serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan pekerjaan yang cermelang di sepanjang perkhidmatannya.

b) Pemohon yang tidak mempunyai kelulusan dan pengalaman di (a) (i) dan (ii) di atas yang telah berkhidmat di Jabatan Perhutanan lebih dari 20 tahun termasuk 5 tahun sebagai Penolong Pegawai Perhutanan dan mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan perkerjaan yang cermerlang di sepanjang perkidmatannya bolehlah juga dipertimbangkan.

2. PENOLONG KETUA UNIT PENYELIDIKAN :

(Di Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil : 132/1985 — 2).

**Tanggagaji :** B. 2 EB. 3 — — \$2270-\$4240 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang Sejarah atau Antropologi atau Pengajian Melayu atau Kebudayaan.

b) Boleh menguasai Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

c) Pandai menulis dan membaca jawi dengan baik.

**Pengalaman dan Kualiti-Kualiti Lain:**

a) Mempunyai pengalaman dalam bidang penyelidikan Sejarah, Kebudayaan atau Adat Istiadat Negara Brunei Darussalam di samping berkebolehan memberikan ceramah-ceramah dalam bidang-bidang yang dimaksudkan.

b) Pernah mengikuti kursus, seminar atau persidangan di dalam dan di luar negeri dalam bidang penyelidikan Sejarah, Kebudayaan atau Adat Istiadat.

c) Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman tidak kurang dari 3 tahun dalam bidang Sejarah, Kebudayaan atau Adat Istiadat dan pernah menghasilkan beberapa buah rencana/artikal atau buku-buku dalam jurusan yang disebutkan.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan iklan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5. Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 30 Disember, 1985.

(E/761/85).

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL.: PPL/MTB/186/1985**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK TALIAN DI BATU 29 (HAMPIR JAMBATAN TUTONG) DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup : 13 November, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : \$200.00

Kelayakan Pemborong : Kelas "A" atau "B" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/206/1985**

Tajuk kerja : PEMELIHARAAN DAN RAWATAN ATAS JENTERA HAWA DINGIN DI PUSAT PENYELIDIKAN PERTANIAN KILANAS, UNTUK MASA TIGA (3) TAHUN.

Tarikh tutup : 13 November, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : \$200.00.

Kelayakan pemborong : Kelas "A" atau "B" atau "C" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/209/1985**

Tajuk kerja : PEMASANGAN SEMULA SISTEM PENDAWAIAN UNTUK RUMAH KELAS "B" DI RUMAH PENOLONG PEGAWAI DAERAH TEMBURONG.

Tarikh tutup : 13 November, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : \$200.00.

Kelayakan Pemborong : Kelas "A" atau "B" atau "C" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/210/1985**

Tajuk kerja : PEMASANGAN SEMULA KAWAT ELEKTRIK UNTUK UBAHSUAI RUMAH PANGSA PWD KEPADA STOR DI STPRI, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup : 13 November, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : \$100.00.

Kelayakan pemborong Kelas "A" atau "B" atau "C" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/211/1985**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK DEWAN MAKAN DAN DAPUR DI SMPB LIMAU MANIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup : 27 November, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : \$100.00.

Kelayakan pemborong : Kelas "A" atau "B" atau "C" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

## NOTIS TAWARAN JABATAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA

TAWARAN-tawaran adalah dijemput bagi menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis-najis (night-soil) sebanyak 274 tong di dalam kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan 299 tong di dalam kawasan Lembaga Bandaran Seria pada sebelah malam bagi enam bulan (Januari — Jun 1986).

2. Tawaran-tawaran mestilah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin, 18 November, 1985. Tawaran yang diterima sesudah tarikh atau waktu ini akan ditolak.

3. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul-sampul surat biasa yang bertutup. Maka di muka sampul surat itu tidak boleh dibuat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama Penawar.

4. Sampul-sampul surat itu mestilah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran (alamat penuh seperti di fasal 2).

5. Kerja yang ditawarkan mestilah disebutkan dengan terang di atas sampul surat itu dan perkataannya mestilah "PEKERJAAN MENGANGKAT DAN MEMBUANG NAJIS DI DALAM KAWASAN-KAWASAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA". Tawaran-tawaran yang diterima dalam sampul-sampul surat yang tidak dialamatkan dengan betul akan ditolak.

6. Surat perjanjian mengandungi peraturan-peraturan atas menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis dapat dilihat di Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait, pada bila-bila masa bekerja.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah atau sebarang tawaran.

8. Dua buah kenderaan khas dengan dua orang pemandu akan disediakan oleh Jabatan Lembaga Bandaran Belait untuk melaksanakan pekerjaan mengangkat dan membuang najis itu dengan tidak dikenakan bayaran.

## JABATAN PELAJARAN
### (BAHAGIAN PELAJARAN TEKNIKAL)
### KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN
### NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMOHON-pemohon terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk mengikuti kursus yang tersebut di bawah. Kursus ini akan bermula pada 2 Januari, 1986.

| Nama Kursus | Kelayakan Masuk | Lama Kursus | Jenis Kursus |
|---|---|---|---|
| Juruteknik Ukur Tanah | 2 mata pelajaran peringkat 'O' dan keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai Sains dan Mathematics. | 2 tahun | Sepenuh Masa |
| C&G 824 Pemeliharaan Radio Televisyen dan Elektroniks Peringkat I. | Lulus peperiksaan BJCE dalam mata-mata pelajaran Mathematics, Sains dan Bahasa Inggeris dengan markah kepujian. | $1\frac{1}{2}$ tahun | Sepenuh Masa |

Borang-borang permohonan boleh didapati daripada Pengetua, Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dan hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 11 November, 1985 jam 4.00 petang.

BRUNEI

## B.S.P. TENDER NOTICE No. SSU 8/1985

| Item | Quantity | Description |
|---|---|---|
| 01 | 1 Unit | Caterpillar Model D330CT Generator Set, 400/200V—135/271AMP, 3 Phase, 50HZ, 1500RPM, skid mounted. |
| 02 | 1 Unit | Columbia Generator, 440V, 60HZ, 3 Phase, 187KVA, 1800RPM S/No. 69P1387. |
| 03 | 1 Unit | Caterpillar Generator 460/230V, 118/236AMP, 3 Phase, 50HZ, 1500RPM. S/No. 100TG251. |
| 04 | 1 Unit | Caterpillar Model D333 Generator Set, 460/230V, 50HZ, 133/266AMP, 3 Phase, S/No. 100TG1527. |
| 05 | 1 Unit | Consolidated Pneumatic Trailer Mounted 2 Stage Gas Compressor with Rolls Royce Engine, Reg. No. KB 8908. |
| 06 | 1 Unit | BBC 250 Bow Thruster Motor, 440V, 50HZ, 3 Phase, 1500RPM. |
| 07 | 1 Unit | Twin Disc Marine Transmission Gearbox Model MG540, Ratio 2.9:1. S/No. 3L8143. |
| 08 | 1 Lot (22 Pcs) | Sikorski S61N Helicopter Compass and VHF Units. |
| 09 | 4 Pcs | Resinex Anchor Pendant Buoys with Built-In Bell Mouth, 500 kg. each. |
| 10 | 2 Sets | Wedgelock Assembly for Cameron $13\frac{5}{8}$" x 5,000 psi Flanged 'U' BOP consisting of Wedgelock housing, Head open/close, Piston locking/whistle and Tailrod extension. |
| 11 | 1 Pce | Bowen, Hydraulic Actuated Internal Gasing Cutter to cut 7" Casing. |
| 12 | 2 Pcs | King Swivel for $2\frac{7}{8}$" Elevator. |
| 13 | 1 Unit | Clemco Model AVS-400 Abrasive Vacuum System with Suction Unit. |
| 14 | 1 Pce | Hume Chemical Storage Tank, Capacity: 3000 Ltr. |
| 15 | 1 Unit | Rank Xerox 3100 Photo Copying Machine. |
| 16 | 1 Unit | BMW 525 IA Sedan, Reg. No. BF 509. Year of Manufacture: 1982 |
| 17 | 1 Unit | Toyota Land Cruiser Pick-Up, Reg. No. KA 9127. Year of Manucture: 1977. |
| 18 | 1 Unit | Nissan Patrol, Reg. No. BE 134. Year of Manufacture: 1980. |
| 19 | 1 Unit | Nissan Patrol, Reg. No. BE 208. Year of Manufacture: 1980. |
| 20 | 1 Unit | Hargill Trailer, single axle with wheels. Dimensions: 2 x 6 x 14 ft. |
| 21 | 1 Unit | Water Tank, two wheel trailer mounted. |
| 22 | 1 Unit | Bowrider Power Boat, 19 ft long, c/w $1\frac{1}{2}$ year old 140 HP Johnson Outboard Motor and Trailer. |
| 23 | 1 Unit | Avon Inflatable Boat, 15 ft long with Short Shaft 25 HP Johnson Outboard Motor. |

Notes :

1. The above items may be viewed at the following locations:—

| | | |
|---|---|---|
| Items 1/13, 15, 20/21 and 23 | — | Supplies Movables Store/Yard, Seria |
| Item 14 | — | Supplies Main Yard, Seria |
| Items 16/17 | — | Supplies Transport Yard, Seria |
| Items 18/19 | — | Brunei Co-Generation Project, Lumut |
| Item 22 | — | Kuala Belait Boat Club (KBBC) |

Please contact:

Supplies Department/Disposal Section,
B.S.P. Co. Bhd., Seria.
(SSU/15, Tel. No. PAN 3520 or
EQA/61, Tel.No. PAN 3257 for Item 22 only)

2. The closing date for receipt of tenders shall be 0900 hours on 11th November, 1985. Tenders shall be addressed in sealed envelopes to:—

Chairman,
Tender Board,
Brunei Shell Petroleum Company Berhad,
Seria,
Negara Brunei Darussalam.

"Endorsed: B.S.P. Tender Notice No. SSU8/85"

3. All tenders must be accompanied by a deposit of 10% of the tendered amount as a cheque made payable to Brunei Shell Petroleum Co. Sdn. Bhd., Seria, refundable if unsuccessful. However, the deposit will be forfeited if the successful tenderer desires to withdraw his tender, and tenders submitted without the 10% deposit will not be considered.

4. The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the tenderer of the usual terms of tendering, details of which can be obtained on request from the SSU/15 office.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYELIA/PENGUASA STOR

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan) (Bil. 136/1985-1)

**Tanggagaji :** C 3-4 EB 5 — $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) i) Pemohon mestilah mempunyai kelulusan Higher National Diploma (HND) atau TEC/BEC Higher Diploma atau kelulusan yang sebandingg dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan dalam bidang-bidang berikut :—

* Purchasing and Supply
* Business Studies/Administration
* Management Accounting/Accounting
* Bidang-bidang pengajian lain yang bersesuaian

ATAU

ii) Penyelenggara Stor Tingkat Khas yang mempunyai kelulusan TEC/BEC Higher Certificate yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 3 tahun dan mempunyai Laporan Prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.

ATAU

iii) Penyelenggara Stor Tingkat Khas yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan mempunyai Laporan Prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.

b) Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang mempunyai pengalaman bekerja dalam pengurusan stor-stor, penyeliaan kakitangan, kerja-kerja perakaunan dan mempunyai pengetahuan dan kebolehan dalam bidang Ilmu Simpan Kira-Kira, Perakaunan dan Ilmu Hisab dan pengendalian pasaran barang-barang atau jentera-jentera Elektrik sama ada melalui Crown Agent, Pasaran Antarabangsa atau pembekal tempatan.

2. PENOLONG SKRIP

("Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa", Di Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil. 136/1985-2)

**Tanggagaji :** C. 1-2 EB. 3 — $1280-$2270 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Mempunyai Sijil Diploma dalam bidang kewartawanan atau bidang yang berkaitan dan dapat membuktikan kebolehan dalam penulisan skrip berita dan hal-ehwal semasa.

ATAU

Mempunyai kelulusan dalam 2 mata pelajaran di peringkat lanjutan (2A Levels) sama ada aliran Melayu atau Inggeris serta berkebolehan menulis skrip berita dan hal-ehwal semasa. Mestilah mempunyai pengetahuan asas dalam bidang penerbitan rancangan Radio & TV.

ATAU

Lulus sekurang-kurangnya dalam 3 mata pelajaran peringkat biasa (3 'O' Level) sama ada aliran Melayu atau Inggeris. Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja penyuntingan, pemberitaan dan penulisan skrip khusus mengenai berita dan hal-ehwal semasa serta mempunyai kebolehan yang terbukti dalam hal ehwal teknik penerbitan rancangan Radio & TV.

Semua calon-calon yang telah diperakukan akan dikehendaki menjalani ujian bertulis.

**Tugas-tugas :**

Menulis skrip dan membuat kerja-kerja penyelidikan bagi rancangan radio dan television terbitan Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa. Menjadi Pembantu kepada Penerbit atau mana-mana Pegawai Kanan Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa yang ditugaskan untuk arahan studio bagi menerbitkan satu-satu rancangan yang berkaitan dengan berita dan hal-ehwal semasa (termasuk Studio Radio/TV atau "outdoor location").

3. PEGAWAI PERANGKAAN RENDAH

(Di Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan) (Bil. 136/1985-3)

**Tanggagaji :** C 1-2-3 EB 4 — $1280-$2620 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon hendaklah berumur tidak kurang dari [illegible] tahun.

b) Pemohon hendaklah mempunyai kelulusan persekolahan dan pengalaman sekurang-kurangnya :—

i) Sijil Penuh dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya dan lulus dalam mata pelajaran Ilmu Hisab dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa serta mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang perangkaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun.

ATAU

ii) Mencapai 4 kepujian di peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dalam mata-mata pelajaran yang bersesuaian pernah menghadiri satu kursus yang berkaitan dengan perangkaan di Institute yang diakui oleh Kerajaan dan mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang yang sama sekurang-kurangnya selama 5 tahun serta mempunyai laporan penilaian prestasi kakitangan yang memuaskan.

ATAU

iii) Lulus Peringkat 1 (Stage I) dari peperiksaan Institute of Statistician atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan dan mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya selama 3 tahun serta mempunyai laporan penilaian prestasi kakitangan yang memuaskan.

ATAU

iv) Bagi pemohon yang telah dan sedang berkhidmat di Jabatan-Jabatan Kerajaan sama ada sebagai Kerani Perangkaan ataupun Kerani Tingkatan III yang menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan perangkaan sekurang-kurangnya selama 5 tahun serta mempunyai laporan penilaian prestasi kakitangan yang memuaskan, bolehlah juga dipertimbangkan.

c) Calon-calon hendaklah boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baiknya.

4. PENOLONG PEGAWAI PERHUTANAN

(Di Jabatan Perhutanan, Kementerian Pembangunan) (Bil. 136/1985-4)

**Tanggagaji :** C. 3-4 EB. 5 — $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) i) Pemohon mestilah mempunyai kelulusan Diploma Tinggi Kebangsaan BTEC (BTEC Higher National Diploma) atau yang sebanding dengannya dalam bidang perhutanan atau mana-mana bidang yang bersesuaian.

ATAU

ii) Pemohon yang mempunyai kelulusan Sijil Tinggi Kebangsaan BTEC (BTEC Higher National Certificate) atau yang sebanding dengannya serta telah dan sedang berkhidmat sebagai Pembantu Perhutanan Kanan sekurang-kurangnya 3 tahun di Jabatan Perhutanan serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan pekerjaan yang cemerlang sepanjang perkhidmatannya akan juga dipertimbangkan.

b) Bagi pemohon yang tidak mempunyai kelulusan dan pengalaman di (a) (i) dan (ii) di atas mestilah telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun termasuk 5 tahun sebagai Pembantu Perhutanan Kanan serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan pekerjaan yang cemerlang sepanjang perkhidmatannya akan juga dipertimbangkan.

5. PENOLONG PEGAWAI ARKIB

(Di Pejabat Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 136/1985-5)

**Tanggagaji :** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) i) Mestilah mempunyai kelulusan HNC (Higher National Certificate) dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran (termasuk Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan tidak termasuk mata pelajaran Senilukis) dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya serta mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang Arkib.

b) Pandai menulis dan membaca jawi.

c) Mempunyai pengetahuan dalam hal ehwal Sejarah, Kebudayaan serta Adat Istiadat Negara Brunei Darussalam.

6. PEMBANTU PERHUTANAN KANAN

(Di Jabatan Perhutanan, Kementerian Pembangunan) (Bil.: 136/1985-6)

**Tanggagaji :** A) D. 5 EB. 6 — $1505-$1785 sebulan.

ATAU

B) C.1-2 EB.3 — $1280-$2270 sebulan.

ATAU

C) C 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon mestilah mempunyai kelulusan Sijil Tinggi Kebangsaan BTEC (BTEC Higher National Certificate) atau yang sebanding dengannya dalam bidang perhutanan atau mana-mana bidang yang bersesuaian.

ATAU

b) Pemohon yang tidak mempunyai kelulusan di (a) di atas tetapi telah dan sedang berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun termasuk 5 tahun sebagai Pembantu Perhutanan serta mempunyai rekod Perkhidmatan yang baik dan pekerjaan yang cemerlang sepanjang perkhidmatannya akan juga dipertimbangkan.

7. PENGUASA PERKAPALAN

(Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan) (Bil.: 136/1985-7)

**Tanggagaji :** C. 1-2 EB. 3 — $1280-$2270 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Hendaklah berumur di antara 20 hingga 40 tahun.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Ordinary National Diploma (OND) dalam bidang Nautical Studies atau kelulusan yang sebanding dengannya dari Institute yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja perkapalan sekurang-kurangnya selama 2 tahun.

ATAU

c) Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat :—

i) Pemohon-pemohon mestilah sedang dan telah berkhidmat dalam jawatan yang bersesuaian di Bahagian IV sekurang-kurangnya selama 5 tahun.

ii) Mestilah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa termasuk mata-mata pelajaran Ilmu Hisab dan Sains.

iii) Mestilah mempunyai laporan prestasi kerja yang memuaskan.

iv) Mempunyai pengalaman dan minat dalam kerja-kerja perkapalan dan laut serta pengetahuan dalam pengurusan pejabat dan kakitangan adalah merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

1) Mengetuai pentadbiran pejabat kecil perkapalan di Jabatan Laut.

2) Melayan dan memproses permohonan-permohonan bagi melesen kapal, dan membuat persediaan-persediaan bagi melesenkan kapal.

3) Mengeluarkan pelepasan pelabuhan dan menjalankan tugas-tugas yang dikehendaki berkaitan dengan pelepasan pelabuhan.

4) Mengenakan tuntutan-tuntutan yuran-yuran dan cukai-cukai.

5) Lain-lain tugas yang diaturkan oleh Penolong Pendaftar Kapal dari semasa ke semasa.

**Lain-lain Syarat :**

Calon-calon yang dilantik sebagai Penguasa Perkapalan hendaklah sanggup dihantar keluar negeri untuk mengikuti kursus/latihan yang ditetapkan.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di dalam Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 24 Disember, 1985. (E/36/78)

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL. : PPL/MTB/21/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 20 November, 1985 bagi kerja-kerja berikut : —

WALYEAVE CLEARING OF 66KV OVERHEAD TRANSMISSION LINES FROM GADONG TO BATU 18 JALAN TUTONG.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN SAMPUL SURAT KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN, KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1986

1. Tawaran-Tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, Hari Isnin 25 November, 1985 bagi membekalkan perkara-perkara di bawah ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam bagi Pembekalan 1986. Banyak serta penentuan-penentuan tentang Jenis/Ukuran/Bahan dan Gaya seperti berikut :–

| PERKARA | KETERANGAN-KETERANGAN JENIS/UKURAN/BAHAN/GAYA | BANYAK |
|---|---|---|
| 1. | Manilla Envelopes DL 110 × 220mm 75-80 gsm. Wallet cut dengan side seam serta garisan bercetak "URUSAN KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA' di atas kepala sampul surat dan garisan hendaklah berupa kotak. | 1,000,000 Keping. |
| 2. | Manilla Envelopes C5 162 × 229mm 100 gsm. Wallet cut atau Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1). | 400,000 Keping. |
| 3. | Manilla Envelopes 254 × 305mm 120 gsm. Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1). | 200,000 Keping. |
| 4. | Manilla Envelopes 305 × 406mm 120 gsm. Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1). | 150,000 Keping. |
| 5. | Manilla Envelopes 381 × 457mm 120 gsm. Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1). | 90,000 Keping. |
| 6. | Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes DL 110 × 220mm 150 gsm. Wallet cut atau Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1). | 200,000 Keping. |
| 7. | Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes C5 162 × 229mm 150 gsm. Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1). | 100,000 Keping. |
| 8. | Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes 254 × 305mm 150 gsm. Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1). | 50,000 Keping. |
| 9. | Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes 305 × 406mm 150 gsm. Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1). | 80,000 Keping. |
| 10. | Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes 381 × 457mm 150 gsm. Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1). | 40,000 Keping. |
| 11. | Manilla Envelopes 165 × 102mm 75-80 gsm. Open End dengan side seam dan quick seal atau seal-Easi Adhesive dan tidak bercetak. | 500,000 Keping. |
| 12. | Manilla Window Envelopes DL 110 × 220mm 100 gsm. Wallet cut dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1). | 500,000 Keping. |
| 13. | Croxley atau Conqueror White Wove Airmail Envelopes DL 110 × 220mm 100 gsm. Wallet cut dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1). | 250,000 Keping. |
| 14. | Conqueror High White Laid Envelopes DL 110 × 220mm 100 gsm. Wallet cut dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1). | 50,000 Keping. |
| 15. | Conqueror High White Laid Envelopes 120 × 234mm 100 gsm. Wallet cut dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1). | 50,000 Keping. |
| 16. | White Envelopes DL 110 × 220mm 80 gsm. Wallet cut dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1). | 150,000 Keping. |
| 17. | Pocket File Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes 150 gsm. 235 × 305 × 25mm dan tidak bercetak. | 100,000 Keping. |

### PENENTUAN-PENENTUAN KHAS

a) Semua Sampul Surat mestilah mempunyai 50mm penutup untuk mencetak panji-panji Kerajaan/nama dan alamat di atasnya.

b) Pilihan kedua kertas Manilla ialah Kertas Glazed Kraft/Kertas Tan Kraft, bagaimanapun yang ditetapkan hendaklah diutamakan.

c) TYPEFACE yang digunakan untuk mencetak garisan kotak di lingkungan "URUSAN KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA" hendaklah GOUDY OLD STYLE dan ukuran type mengikut ukuran sampul-sampul surat seperti berikut :

| | |
|---|---|
| C6-144 × 162 mm | – 12 point Type. |
| L-110 × 220 mm dan C5-229 × 162 mm | – 14 point Type. |
| 254 × 305 mm | – 24 point Type. |
| 305 × 406 mm dan 381 × 457 mm | – 36 point Type. |

### PERINGATAN

I. Tebal garisan kotak hendaklah menggunakan 2 point tebal garisan (Line thickness).

II. Tawaran yang diterima selepas dari tarikh ditutup tidak akan dilayan.

III. Semua tawaran-tawaran hendaklah disertakan dengan contoh sama ada contoh sampul surat yang siap ataupun contoh kertas yang digunakan ini termasuklah penerangan-penerangan tentang bahan-bahan dan gaya-gaya yang digunakan. Harga tawaran mestilah harga termasuk menghantar hingga ke Stor Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, di Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tawaran yang tidak disertakan dengan contoh-contoh serta penerangan-penerangan lengkap tidak akan dilayan.

IV. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak ada tanda-tanda sipengirim.

V. Tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dengan menanda di sampul surat itu :-

**PEMBEKALAN SAMPUL SURAT 1986**
**KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN,**
**KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

VI. Borang Tawaran dan penentuan boleh diperolehi dari Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam semasa pejabat dibuka.

VII. Cagaran Tawaran sebanyak $2,000.00 atas nama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah dibayar di Pejabat Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam dan salinan resitnya HENDAKLAH disertakan dengan tawaran yang dihadapkan. Cagaran ini akan dikembalikan kepada penawar-penawar yang tidak berjaya. Cagaran akan juga dikembalikan kepada Syarikat-Syarikat yang berjaya setelah ia habis membekalkan kertas-kertas yang ditawarkan kepadanya.

VIII. Syarikat-Syarikat yang berjaya akan mengikat kontrak dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya membekalkan Sampul Surat sepanjang tahun dengan mengikut harga-harga tawaran.

IX. Syarikat-Syarikat yang berjaya adalah juga dikehendaki mengikat kontrak dan bersetuju membekalkan sampul surat dalam tempoh yang ditetapkan seperti berikut :–

(a) 50% hendaklah dihantar dalam masa 45 hari dari tarikh tawaran dimaklumkan.

(b) 50% dihantar dalam masa 60 hari selepas tempoh penghantaran pertama.

X. Kerajaan berhak menolak tawaran atau mengenakan denda sebanyak $20.00 sehari bagi pembekal yang lambat menghantar atau membatalkan kontrak dengan pembekal pada bila-bila masa tanpa notis jika tidak mengikut peraturan-peraturan yang tersebut di atas.

XI. Syarikat yang berjaya dikehendaki menandatangani satu kontrak dengan Pengarah Percetakan dan bersetuju mengikut syarat-syarat kontrak itu dan peraturan-peraturan Kerajaan yang berjalan pada masa ini.

XII. Kerajaan tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

**Syarat-syarat Tawaran**

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 Disember, 1985.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.
4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

BIL. : PROC/T/235/1985
MEMBEKAL: TRAILER SERVICING EQUIPMENT.
Cagaran : $300.00.

BIL. : PROC/T/236/1985
MEMBEKAL: TRUCK 4 TON 4 x 4 DEMOUNTABLE FUEL SYSTEM.
Cagaran : $300.00.

BIL. : PROC/T/237/1985
MEMBEKAL: MILITARY CLOTHING.
Cagaran : $300.00.

BIL. : PROC/T/238/1985
MEMBEKAL: BATTERY NICAD
Cagaran : $100.00.

BIL. : PROC/T/239/1985
MEMBEKAL: HIGH PRESSURE WASHER.
Cagaran : $100.00.

BIL. : PROC/T/240/1985
MEMBEKAL: PARACHUTES AND ACCESSORIES.
Cagaran : $200.00

BIL. : PROC/T/241/1985
MEMBEKAL: FURNITURE WOODEN.
Cagaran : $200.00.

BIL. : PROC/T/242/1985
MEMBEKAL: MATTRESS AND PILLOW.
Cagaran : $200.00.

BIL. : PROC/T/243/1985
MEMBEKAL: TITLES SHOULDER STAB-RIGHT.
Cagaran : $100.00.

BIL. : PROC/T/244/1985
MEMBEKAL: BLANKET GS
Cagaran : $100.00.

BIL. : PROC/T/245/1985
MEMBEKAL: BIN PLASTIC.
Cagaran : $100.00.

BIL. : PROC/T/246/1985
MEMBEKAL: CRAFT INFLATABLE GEMINI.
Cagaran : $100.00.

## Telecommunications Department Tender Notices

PROJECT No. P 2166

TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with Class A or B Classifications.

2. The said tenders are for construction of Manholes and Duct Routes at Jalan Berakas — Jalan Delima Dua for the Feeder Network to Cabinet No. 5 — North Exchange.

3. Tenders should be placed in the Tender Box placed in the 4th Floor of the Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon on Monday 2nd December, 1985. Any tenders received later than this will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

"CONSTRUCTION OF MANHOLES AND DUCT ROUTES FOR CABINET NO. 5, ANGGEREK DESA — P 2166"

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of $300.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tender who fails to submit a tender.

6. The government of His Majesty the Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 9.00 a.m on 13th November 1985 at the Ground Floor, Telephone House, Telcoms Headquarters, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

## Pemberitahuan Tawaran Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang tertakluk di Jabatan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 11 November, 1985 bagi tawaran: PENGURUSAN KEDAI-KEDAI KECIL/TUCK SHOP di Sekolah-Sekolah Menengah/Maktab dalam tempoh 3 tahun seperti berikut :—

1. SEKOLAH MENENGAH AWANG SEMAUN
   BIL. : JP/47/1985
   CAGARAN : $100.00.
2. SEKOLAH MENENGAH SERASA
   BIL. : JP/48/1985
   CAGARAN : $100.00.
3. SEKOLAH MENENGAH BENDAHARA SAKAM BUNUT
   BIL : JP/49/1985
   CAGARAN : $100.00.
4. SEKOLAH MENENGAH MUHAMMAD ALAM, SERIA
   BIL. : JP/50/1985
   CAGARAN : $100.00.

2. Tawaran-tawaran yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup bertulis dengan nama perkara yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pelajaran, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut :—

| | |
|---|---|
| Selasa–Khamis : | 8.00 pagi hingga 11.30 pagi |
| | 2.00 petang hingga 3.00 petang |
| Isnin–Sabtu : | 8.00 pagi hingga 10.00 pagi |

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai ($100.00) pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## TENDER NOTICE STATE STORE

TENDERS are invited from bona-fide sugar manufacturers or their accredited agents and will be received by the Chairman of Tenders Board for the supply of :—

2,000 METRIC TONNES, FRESHLY REFINED GRANULATED CANE WHITE SUGAR, COARSE GRAIN, BEST QUALITY

2. Tenders should be placed in the Tenders Board, 4th. Floor, Ministry of Finance, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam not later than 12.00 noon on 11th, November. 1985. Tenders received after the said time will be rejected.

3. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Controller of State Stores and Supplies at Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of $1,000.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers.

4. The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 388 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD420/0108
PEMBINAAN DAN PENYIAPAN JALAN SIMPANG BERAKAS — PERINGKAT II, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 November, 1985.

Tarikh tutup: 18 November, 1985.

Cagaran tawaran: $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 389 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AD/ABDB004
PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN TANAH DI BAWAH KONTRAK PENGGAL UNTUK ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI DI PERKHEMAHAN BERAKAS DAN BOLKIAH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 November, 1985.

Tarikh tutup: 11 November, 1985.

Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 390 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AD/ABDB004
PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN TANAH DI BAWAH KONTRAK PENGGAL UNTUK ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI DI PERKHEMAHAN MUARA DAN BANGAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 November, 1985.

Tarikh tutup: 11 November, 1985.

Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 391 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL117
CADANGAN BANGUNAN URUSAN RUMAHTANGGA DAN PENYEDIAAN MAKANAN UNTUK MAKTAB TEKNIK SULTAN SAIFUL RIZAL DI JALAN MUARA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 November, 1985.

Tarikh tutup: 11 November, 1985.

Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 392 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/19100
KERJA-KERJA MEMBERSIHKAN TAPAK DAN MENIMBUS TANAH BAGI KOMPLEKS SUKAN, JKR, JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 9 November, 1985.

Tarikh tutup: 13 November, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 393 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/098
CADANGAN KERJA-KERJA UBAHSUAI DAN PEMBAHARUAN BEKAS RUMAH KEDIAMAN SETIAUSAHA PERTAMA (JKR No. 1) DI JALAN RESIDENCY UNTUK BAHAGIAN ARKIB MUZIUM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 9 November, 1985.

Tarikh tutup: 13 November, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 394 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PTN006
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA 2 TINGKAT BLOK PENTADBIRAN, BAHAGIAN KAJI SERANGGA TUMBUHAN, BAHAGIAN AGRONOMY, BAHAGIAN KAJI PENYAKIT TUMBUHAN, BAHAGIAN SAINS TANAH DAN PONDOK ELEKTRIK BERTEMPAT DI PUSAT PENYELIDIKAN PERTANIAN KILANAS, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 9 November, 1985.

Tarikh tutup: 13 November, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 395 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" untuk:

PROJEK No.: 84AD/RAM010
SAMBUNGAN BETUNG — CADANGAN TAMBAHAN 12 UNIT RUMAH PANGSA JENIS 'F' (BLOK 'G') JERUDONG PARK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 9 November, 1985.

Tarikh tutup: 13 November, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 396 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AW/00700
MEMBEKAL TABUR KIMIA DAN PAM PENGGALAK KLORINAN BAGI KERJA-KERJA PEMELIHARAAN LAYONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 16 November, 1985.

Tarikh tutup: 20 November, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 397 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" yang berdaftar di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik untuk:

PROJEK No.: AD403/0601
MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN KOMISION UNTUK KILANG KEPINGAN AIS, BILIK PENDINGIN HAWA BLAST FREEZE, MODULAR INSULATION PANEL, HAWA DINGIN DAN SISTEM VENTILASI BERJENTERA UNTUK CADANGAN KOMPLEKS PELANTAR IKAN DI MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28 November, 1985.

Tarikh tutup: 2 Disember, 1985.

Cagaran tawaran: $300.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 398 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No: 85AB/PEL128 & 85AB/13811
PEMBINAAN SATU BLOK (3 TINGKAT 12 BUAH BILIK DARJAH) BANGUNAN SEKOLAH, SATU BLOK DAPUR DAN KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN BAGI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN BEBULOH, KAMPONG BEBULOH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 November, 1985.

Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

Tarikh tutup: 18 November, 1985.

### BIL: JKR 399 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/1401
MEMBAIKI SEPENUHNYA DAN MENCAT SEMULA BANGUNAN SEKOLAH DAN RUMAH GURU-GURU SEKOLAH RENDAH KERAJAAN ORANG KAYA SETIA BAKTI KILANAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 16 November, 1985.

Tarikh tutup: 20 November, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 400 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AB/JUB/P1
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA 3 BLOK (A, B, C) 2 TINGKAT BAGI SEKOLAH UGAMA PENGIRAN MUDA ABDUL AZIM, KAMPONG SERASA, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 16 November, 1985.

Tarikh tutup: 20 November, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 401 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: DPW522/0200
CADANGAN MEMBUAT PAPAN TANDA DAN PENGUBAHAN STOR MENJADI PEJABAT UNTUK KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 16 November, 1985.

Tarikh tutup: 20 November, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: JKR 402 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD414/0501
KERJA-KERJA MEMPERBAIKI BAGI SISTEM PEMBETUNGAN DI PERUMAHAN KAKITANGAN BOMBA LAPANGAN TERBANG, JALAN COSTAIN, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 16 November, 1985.

Tarikh tutup: 20 November, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. POSMEN :

( Di Jabtan Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan )

( Bil : 139/1985 — 1 ).

Tanggagaji : F.2-3-4-5 EB. 6 — $495-$790 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

b) Keutamaan akan diberi kepada mereka yang lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris serta boleh membaca tulisan Cina.

c) Kebolehan memandu kereta dan/atau Outboard atau motosikal serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu akan diberi keutamaan. Mempunyai lesen memandu Kelas V adalah merupakan satu kelebihan.

d) Bagi pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di (a) tetapi mempunyai pengalaman bekerja di Pejabat Perkhidmatan Pos sekurang-kurangnya selama 3 tahun akan juga dipertimbangkan.

Tugas-tugas :

Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian dalam tugas-tugas Penyelenggaraan surat-surat dan bungkusan-bungkusan, seperti isehan, penyerahan, pungutan dan lain-lain tugas yang setanding dengan jawatan Posmen, yang diarahkan oleh Ketua Bahagian sama ada secara memandu kenderaan atau sebaliknya.

2. MANDOR :

( Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan )

( Bil : 139/1985 — 2 ).

Tanggagaji : F. 2-3-4 EB. 5 — $495-$700 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Pemohon-pemohon mestilah sekurang-kurangnya tahu menulis dan membaca rumi.

b) Mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman bekerja di Stesen atau Ladang Pertanian.

c) Pengalaman mengawas pekerja-pekerja buruh adalah merupakan satu kelebihan.

3. PENOLONG PENJALAN JENTERA BERAT :

( Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan )

( Bil : 139/1985 — 3 ).

Sukatan Gaji : F. 3-4 EB 5 — $550-$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Hendaklah berumur di antara 21 tahun ke atas.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman bekerja menggunakan jentera berat sekurang-kurangnya selama 2 tahun.

c) Mempunyai lesen memandu kelas III yang sah.

4. PEMANDU TRAKTOR TINGKAT II :

( Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan )

( Bil : 139/1985 — 4 )

Sukatan Gaji : F. 3-4 EB. 5 — $550-$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Hendaklah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III yang sah serta mempunyai rekod memandu yang selamat. Mereka yang mempunyai lesen memandu Kelas IX (sebelas) yang sah adalah satu kelebihan.

c) Pengalaman dalam kerja-kerja yang menggunakan traktor dan mempunyai pengetahuan dalam jentera-jentera dan kelengkapan-kelengkapan ladang adalah juga merupakan satu kelebihan.

5. PENJALAN ALATAN TETAP :

( Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan )

( Bil : 139/1985 — 5 ).

Tanggagaji : F. 2-3-4 EB. 5 — $495-$700 sebulan.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Pemohon-pemohon sebaik-baiknya mempunyai pengalaman sebagai mekanik sekurang-kurangnya 2 tahun.

b) Pengetahuan mengendalikan pam-pam air adalah merupakan satu kelebihan.

c) Pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya akan diutamakan.

Tugas-tugas :

Latihan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman asas bekerja di Bengkel.

6. A. PEMANDU/PENJALAN TRAKTOR :

( Bil : 139/1985 — 6 ).

B. PEMANDU TRAKTOR TINGKAT I :

( Bil : 139/1985 — 7 ).

( Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan )

Tanggagaji : F. 3-4-5 EB. 6 — $550-790 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Hendaklah berumur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan XI (sebelas) yang sah dan mempunyai rekod memandu yang selamat.

c) Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat sebagai Pemandu Traktor Tingkat II atau Penolong Pemandu/Penjalan Traktor sekurang-kurangnya selama 5 tahun.

d) Pengetahuan menyelenggara dan membaiki jentera-jentera dan kelengkapan-kelengkapan ladang adalah merupakan satu kelebihan.

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Am :

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan iklan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan.

Tarikh tutup : 30 Disember, 1985.

( E/322/62 ).

## TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL. : 41/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 Disember, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:—

PEMBEKALAN TYRE.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bo'ehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbeka an Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL. : 42/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 Disember, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbeka'an Negara :—

GALVANISED CONTINOUS BUTT WELDED STEEL PIPE, TO BSS 1387/1867, CLASS MEDIUM SCREWED AND SOCKETED ENDS. IN STANDARD LENGTHS OF 20 FEET. THREADED TO BS. 21 PIPE THREAD AND PROTECTED AGAINST DAMAGED.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Ja'an Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL. : 43/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 Disember, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbeka an Negara :—

BRC FABRIC, ELECTRICALLY CROSS WELDED STEEL WIRE MESH, TO B.S. 1221.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbeka an Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## SEBAGAI PENTERJEMAH

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENTERJEMAH (Inggeris/China) di Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : D. 3 EB. 4-5— — $900-$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya mendapat 3 mata pelajaran di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya termasuk mata pelajaran Bahasa Inggeris.

b) Mestilah lulus peperiksaan Chinese Senior Middle Three atau yang sebanding dengannya.

c) Mestilah lulus ujian kecekapan yang akan dikendalikan oleh Pegawai Berita Kanan RTB.

d) Pengetahuan dalam Bahasa Melayu adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Menterjemah berita dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Cina dan sebaliknya dan menyediakan skrip-skrip berita Cina di Radio.

Bertugas secara bergilir-gilir termasuk di luar waktu pejabat. Membuat tugas-tugas seperti yang diarahkan dari masa ke semasa, termasuk membaca berita Cina (Radio) jika perlu.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 15 Januari, 1986.

( Bil. Iklan : 147/1986 )

( E/343/64 )

## PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama pemborong dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang D.pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR KB 100 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" untuk :

PROJEK: "MENGGANTI ATAP DAN KEROSAKAN SERTA MENCAT SEMULA KESELURUHAN LUAR DAN DALAM BANGUNAN RUMAH PERSINGGAHAN KERAJAAN JALAN CAREY KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 November, 1985.

Tarikh tutup: 20 November, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR KB 101 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk :

PROJEK: GADANGAN PEMBINAAN 6 BLOCK X 20 UNIT STANDARD BARIK KELAMIN DI JALAN MUMONG, KUALA BELAIT.

PACKAGE A: 3 BLOK X 20 UNIT
PACKAGE B: 3 BLOK X 20 UNIT
PACKAGE C: 6 BLOK X 20 UNIT (JUMLAH PACKAGE A DAN B DI ATAS)

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 November, 1985.

Tarikh tutup: 18 November, 1985.

Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00

### BIL: JKR KB 102 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK: BEKALAN AIR BAGI PERUMAHAN PEGAWAI RENDAH DI JALAN MUMONG, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28 November, 1985.

Tarikh tutup: 2 Disember, 1985.

Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

1. PEMANDU TINGKAT KHAS

(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)

(Bil: 138/1985-1)

**Tanggagaji :** E. 2-3 EB. 4 — $590-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai pemandu sekurang-kurangnya selama 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I.

c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

2. TUKANG ELEKTRIK

(Di Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil: 138/1985-2)

**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Calon-calon bagi jawatan Tukang Elektrik mestilah telah menamatkan kursus Pertukangan City and Guilds 823 atau yang sebanding dengannya dan sekurang-kurangnya mempunyai pengalaman praktikal selama setahun dalam kerja-kerja pemasangan elektrik.

ATAU

Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan di atas yang telah tamat Tingkatan 3 dan mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam pemasangan elektrik dan kerja-kerja membaiki peralatan elektrik juga boleh dipertimbangkan.

Bagi kedua-dua kategori, calon-calon akan dikehendaki untuk menjalani satu ujian kemahiran praktikal.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Menurut keperluan perkhidmatan, calon-calon yang dilantik bagi jawatan Tukang Elektrik boleh ditugaskan untuk menjalankan kerja-kerja rawatan am di bangunan-bangunan Radio Televisyen Brunei atau menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan operesen RTB dan bekerja di luar pejabat.

3. PENYAMBUT TETAMU/OPERATOR TELEFON

A) (Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

(Bil: 138/1985-3)

B) (Di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

(Bil.: 138/1985-4)

**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang dapat menguasai 2 bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris.

c) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun boleh juga dipertimbangkan.

**Tugas-tugas :**

Selain daripada menjadi Penyambut atau Operator, calon-calon yang berjaya akan juga dikehendaki membantu kerja-kerja pejabat jika diperlukan.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 24 Disember, 1985 (E/417/73)

---

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENTERJEMAH KANAN :

(Bil : 140/1985 — 1).

**Tanggagaji:** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Lulus Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei (Peringkat Biasa) dalam 3 mata pelajaran (termasuk Bahasa Inggeris dan Melayu) atau Sijil Persekolahan dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Melayu.

b) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 5 tahun dalam kerja-kerja menterjemah.

c) Boleh membaca dan menulis jawi.

2. KERANI SULIT/ JURUTAIP :

(Bil : 140/1985 — 2).

**Tanggagaji:** C. 1-2 EB. 3 — $1280-$2270 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah lulus Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya. (Iaitu lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran Peringkat Biasa).

b) Mestilah mempunyai Sijil Trengkas dan Menaip di Peringkat Lanjutan. Kerani Sulit/Jurutaip mestilah boleh mencatat trengkas dalam Bahasa Inggeris dan Melayu. Mereka yang hanya boleh mencatat trengkas Inggeris sahaja mestilah memperolehi Sijil Trengkas Melayu (80 — 100 psm) dalam tempoh percubaan mereka sesudah itu barulah mereka boleh ditetapkan dalam jawatan. Begitu juga mereka yang hanya boleh mencatat trengkas Melayu mestilah memperolehi Sijil Trengkas Inggeris dalam tempoh percubaan mereka.

c) Pengalaman - pengalaman dalam kerja-kerja 'filling' dan peraturan pejabat merupakan satu kebolehan.

d) Pemohon-pemohon yang mempunyai pelajaran yang rendah dari (a) tetapi mempunyai pengalaman yang luas dan kebolehan yang istimewa melaksanakan tugas-tugas setiausaha selama tidak kurang dari 5 tahun, iaitu pengalaman yang diperolehi dalam melaksanakan tugas-tugas yang tertentu, adalah layak juga untuk dipertimbangkan.

e) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang dapat menguasai dua bahasa iaitu Inggeris dan Melayu.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Membuat tugas-tugas yang berupa sulit, mencatat dan menaip. Mengatur dan menyimpan rekod-rekod perjumpaan/perjanjian serta menyampaikan maklumat dan lain-lain tugas yang diperlukan. Tugas-tugas yang disebutkan di atas hanyalah keterangan dan bukannya ketetapan yang tegas tentang tanggungjawap seseorang Kerani Sulit/Jurutaip.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan iklan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 30 Disember, 1985.

(E6/79).

---

## Di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan. Negara Brunei Darussalam.

1. AHLI PEMBINA KAPAL

(Di Jabatan Polis, Jabatan Perdana Menteri)

(Bil: 135/1985-1)

Tanggaaji: F 4-5 EB 6 — $620-$790 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Berumur di antara 21 hingga 45 tahun.

b) Tamat latihan sebagai Perantis Pembina Kapal atau Pembuat Perahu di sebuah Limbungan Kapal atau Pertubuhan/Sekolah Pertukangan Teknikal.

c) Perlu mengetahui dan pandai menggunakan alat perkakas mesin dan yang dikendalikan dengan tangan.

d) Mempunyai pengetahuan mengimpal dan latihan memotong dengan bahan api.

e) Pengetahuan dalam menggunakan "Glass Re-enforced Plastic" (GRP) adalah merupakan satu kelebihan.

f) Faham tentang pembuatan dan pembinaan perahu.

g) Faham secara umum tentang buku Panduan Teknikal dan lukisan-lukisan menurut suasana pelan.

h) Berkebolehan dalam memelihara bahan-bahan dari logam, kayu dan GRP, iaitu Cat, Resins dan sebagainya.

2. PENJAGA

(Di Jabatan Kemajuan Kerjasama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

(Bil: 135/1985-2)

**Tanggagaji :** F. 1-2 EB. 3 — $145-$590 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun.

b) Hendaklah tahu menulis dan membaca.

c) Pemohon-pemohon yang berumur lebih daripada 45 tahun dan mereka yang telah bersara boleh juga memohon untuk dipertimbangkan.

d) Pemohon-pemohon yang tinggal di kawasan-kawasan yang berdekatan dan pernah bekerja secara bergaji hari adalah diutamakan.

3. A. PEMANDU

(Di Jabatan Kemajuan Kerjasama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

(Bil: 135/1985-3)

Tanggagaji : F. 3-4 EB 5— $550-$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

B. PEMANDU TINGKAT II

(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan). (Bil: 135/1985-4)

**Tanggagaji :** F.3-4 EB 5— $550-$700 sebulan

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan Kelas II (sebelas) dan berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

4. PEMANDU KERETA TINGKAT I

(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan) (Bil: 135/1985-5)

**Tanggagaji** : F. 3-4-5 EB. 6 — $550-$790 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh membaca dan menulis.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama 3 tahun.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemonon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan bilangan iklan dan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 16 Disember, 1985.

(E/1406/82)

---

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BRUNEI

Pesaka Mendiang Chan Soo (f)

PEMBERITAHUAN KEPADA SIPIUTANG DAN ORANG-ORANG YANG HENDAK MEMBUAT TUNTUTAN TERHADAP HARTA PESAKA

DENGAN ini diberitahu kepada orang-orang yang berkenaan yang ingin membuat tuntutan-tuntutan atau berhak dalam pesaka mendiang Chan Soo (f) yang telah meninggal dunia di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada 20 September, 1984 adalah dikehendaki menghantar butir-butir keterangan bertulis mengenai tuntutannya kepada saya di Bangunan Mahkamah, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan hendaklah menghantar butir-butirnya tidak lewat dari satu bulan daripada pemberitahuan ini, selepas dari tempoh itu saya akan membahagikan harta pesaka ini kepada mereka yang berhak yang telah memberitahu sahaja dan saya tidak akan bertanggungjawab kepada sesiapa pun mengenai tuntutan-tuntutan mereka yang tidak diberitahu.

Bertarikh pada 23 Oktober, 1985.

(DATO MOHD ALI SALLEH)
PEGAWAI WARIS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,

# PENTADBIR "NIPPON MARU" DIPERKENAN MENGADAP

Oleh Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pentadbir Kapal Belia Asia Tenggara '85, Tuan Masahiko Otsubo dan Nakhoda Kapal NIPPON MARU, Kapten I. Makishima serta ketua-ketua rombongan belia Jepun dan negara-negara ASEAN.

Istiadat itu berlangsung di Istana Nurul Iman pada pagi Khamis 31 Oktober lepas.

Mereka diiringi oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain.

Di istiadat itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan juga berkenan menerima cenderamata-cenderamata dari rombongan itu.

'NIPPON MARU' yang membawa 252 orang belia yang menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara ke-12 tiba di Pelabuhan Muara pagi Khamis, 31 Oktober.

Negara Brunei Darussalam adalah negara kelima yang dikunjungi oleh kapal itu dalam rangka kunjungan keenam buah negara ASEAN dan Jepun. Ketibaan para peserta disambut meriah dengan pukulan hadrah dari 32 orang penuntut Sekolah Menengah Awang Semaun.



KETUA rombongan belia Negara Brunei Darussalam, Awang Abu Bakar Moksin menyembahkan cenderamata ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. — Gambar oleh Harun Rashid.

# Lawatan TYT Dr. Heinz

Dari muka 1

Sehari sebelum berlepas pulang rombongan para pelawat dari Republik Persekutuan Jerman itu bersekesempatan melawat ke kawasan cadangan tapak penubuhan Universiti Brunei Darussalam di kawasan Tungku, Gadong, Maktab Teknik Saiful Rijal dan Unit Perancang Ekonomi.

Tuan Yang Terutama Dr. Heinz Eyrich, Menteri Bagi Hal Ehwal Persekutuan dan Undang-Undang Tanah, Republik Persekutuan Jerman telah berangkat meninggalkan negara pada hari Isnin lepas.

Mengalu-alukan kepulangan Tuan Yang Terutama Dr. Heinz Eyrich di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan; Setiausaha Tetap Kementerian Undang-Undang, Awang Haji Abas bin Haji Serudin; Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Ahmad bin Dato Matnoor serta pegawai-pegawai dari Kementerian Undang-Undang dan Kementerian Perhubungan.



TUAN Yang Terutama, Dr. Heinz Eyrich, mengadap ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

# Kekalkan keaslian karya yang dicipta

Oleh Ahat Ismail

KOTA BATU. — Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya menggesa para pelukis dan fotografi mengekalkan keaslian karya yang dicipta untuk menjadi ristaan generasi akan datang.

Menyatakan demikian semasa membuka rasmi Pameran Lukisan dan Fotografi ASEAN kali ke empat bertempat di Muzium Kota Batu, Isnin lepas beliau berkata, seni lukis dan fotografi merupakan media penting dalam kehidupan manusia ke arah mengingati perkara-perkara yang lepas.

"Peranannya," jelas Dato Paduka, "Bukan hanya semata-mata sebagai sesuatu yang dinikmati bagi kepuasan pancaindera kita atau hanya sebagai perhiasan dinding atau album tetapi lebih dari itu ianya berperanan dalam merekod atau mencatat sesuatu peristiwa, zaman, sejarah dan kebudayaan sesuatu masyarakat dalam mana pemikiran dan falsafah yang disalurkan oleh seniman."

Karya-karya yang dipamerkan itu menurutnya, merupakan satu reflekasi perasaan dan cita-cita masyarakat ASEAN yang disalurkan menerusi media yang universal iaitu lukisan dan fotografi.

Menurutnya lagi, kesemua itu adalah warisan catatan peristiwa zaman yang akan dikaji serta diselidiki oleh generasi-generasi akan datang.

"Berlandaskan kepada kenyataan ini, karya lukisan dan fotografi yang dihasilkan pada masa ini akan menjadi satu ristaan yang baik oleh jenerasi yang akan datang, maka amat perlulah para karyawan kita sekarang melahirkan ketulenan dan keaslian atau 'originality' pada melambangkan identiti masing-masing," kata Dato Paduka Awang Sidek.

Sehubungan dengan pameran itu, Dato Paduka Awang Sidek mengharapkan agar pameran itu akan memberikan pelajaran serta pengalaman baru, yang mana nanti dapat dijadikan bahan perbandingan dalam menghasilkan serta mempertinggikan karya tersebut.

"Saya juga berharap semoga pameran ini akan dapat dijadikan sebagai satu daya pendorong kepada kaum pelukis dan fotografi tempatan untuk lebih berkeriatif dan produktif," ujar Dato Paduka Awang Sidek.

PELITA BRUNEI difahamkan bahawa pameran itu merupakan salah satu daripada projek anjuran Asean Committee On Culture Information (ASEAN COCI) untuk merapatkan pertalian kesenian dan kebudayaan di antara negara-negera anggota ASEAN ke arah meningkatkan seni lukis dan seni foto.

Pameran itu telah bermula sejak tahun 1981 di mana kali pertama Thailand telah menjadi tuan rumah dan ianya kemudian dianjurkan secara bergilir-gilir oleh negara-negara ASEAN. Negara Brunei Darussalam adalah buat pertama kali menyertai projek tersebut.

# Lahirkan kualiti kerja yang tinggi

Dari muka 1

diamalkan oleh ketua-ketua jabatan atau pegawai-pegawai yang ditugaskan.

"Bahkan perundingan-perundingan di antara pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkenaan di dalam jabatan itu sendiri seharusnyalah dipraktikkan dan diperluaskan semata-mata dengan hasrat untuk memperkemas jentera pentadbiran, meningkatkan kecekapan dan memupuk etika kerja yang baik serta memperdalam rasa tanggungjawab terhadap tugas-tugas yang diamanahkan. Saya percaya tujuan yang baik ini tidak akan dapat dicapai tanpa adanya daya inisiatif yang bersesuaian, didikasi, sikap dan etika kerja yang sempurna lagi berdisiplin," tegas tetamu kehormat itu.



YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan ketika bersabda merasmikan Pertandingan Membaca Al-Quran Antara Jabatan-Jabatan Kementerian Perhubungan. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

Terdahulu dari itu, Yang Amat Mulia berharap tujuan utama sambutan malam itu bagi mengalakkan membaca mempelajari dan memahami Al-Quran dengan hasrat mendapat perlindungan dan pemeliharaan Allah, akan juga menjadi satu dorongan yang dapat melahirkan etika kerja yang betul lagi berdisiplin menurut peraturan yang telah ditentukan serta saling hormat menghormati antara satu dengan lain.

Sabda Yang Amat Mulia, tanpa wujudnya suasana kerja yang sedemikian, hasrat bagi mengadakan pentadbiran yang cekap dan bersih akan sukar dicapai.

"Suasana kerja yang tidak diingini ini pula bukan saja akan melahirkan kualiti kerja yang rendah dan merugikan tetapi pada umumnya akan menjejaskan usaha kita ke arah meningkatkan perkembangan dan kemajuan negara," sabda Yang Amat Mulia.

Pengiran Othman bin Pengiran Haji Ismail dari Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Pos berjaya menjadi Johan Qari Musabaqah Tilawatil Quran Antara Jabatan-Jabatan Di Bawah Kementerian Perhubungan. Bahagian Qariah pula dimenangi oleh Dayang Nuraini Hamdi dari Jabatan Pelabuhan.

Manakala bahagian qariah, naib johan disandang oleh Dayang Noraishah Haji Tengah dari Jabatan Penerbangan Awam dan pemenang ketiga ialah Dayang Jamilah binti Dullah dari Jabatan Telekom.

Seramai 12 peserta dari enam buah jabatan Kementerian Perhubungan menyertai musabaqah itu. Pengerusi Jawatankuasa Musabaqah, Awang Haji Ahmad bin Haji Ibrahim, Pengarah Laut menyampaikan ucapan alu-aluan di malam itu.

Majlis itu juga diserikan dengan persembahan nasyid oleh Kumpulan Nasyid Jabatan Laut dan sebuah syarahan khas oleh Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Pegawai Ugama Kanan, Jabatan Hal Ehwal Ugama.

# Tamat Latihan

BOLKIAH KEM. — Satu Perbarisan Tamat Latihan bagi seramai 78 orang rekrut lelaki pengambilan ke-66 akan diadakan pada hari Jumaat ini, 8 November di Padang Kawad Pusat Latihan di sini.

Upacara tersebut akan berlangsung pada jam 7.00 pagi, dan tetamu kehormat di upacara itu nanti ialah Pegawai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigadier Jeneral Dato Paduka Seri J.P.W. Friedberger.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.